

**Kelestarian Adat Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong,
Terengganu**

SITI NURUNNISA' AMIRAH BINTI SUHAIMI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUIJIAN

2023

KELANTAN



**KELESTARIAN ADAT PERKAHWINAN CINA
PERANAKAN DI KAMPUNG PULAU DUYONG,
TERENGGANU**

DISEDIAKAN OLEH:

Siti Nurunnisa' Amirah Binti Suhaimi

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

SULIT

Dari tarikh _____ hingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Tarikh: 16.02.2023

Tandatangan Penyelia



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

**EMBARGOES**

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



Date: 16.02.2023

Signature of Supervisor



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg. Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Date: 16 February 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan dan kematangan dalam menyiapkan tugas ini. Pertama kali saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada diri sendiri kerana mampu menyiapkan tugas ini mengikut tarikh dan waktu yang telah ditetapkan. Selanjutnya, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Farrah Atikah binti Saari yang telah menjadi pendorong dan tulang belakang serta banyak memberi tunjuk ajar serta membantu berkongsi pendapat mengenai kajian berkualiti untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kelak.

Sekalung budi diucapkan kepada ibu bapa saya yang membanting keringat dan membantu saya dalam bentuk kewangan dalam menyiapkan hasil kerja ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan perjuangan yang bersama-sama bertungkus lumus dalam membantu dan menyiapkan tugas ini. Seterusnya, saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada Orang kampung yang sanggup memberi penerangan mengenai Adab perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau duyong, Terengganu.

Akhir kata, saya berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada orang ramai yang ingin mengetahui mengenai Adab Perkahwinan cina peranakan. Semoga segala input dan maklumat yang dinyatakan di dalam kajian ini dapat membantu penyelidik seterusnya dalam mengenali dan mengetahui mengenai Adab Perkahwinan cina peranakan di Terengganu.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Perakauan Tesis	
Penghargaan	1
Isi Kandungan	5
Abstrak	13
Abstract	14
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	15
1.1 Latar Belakang Kajian	16
1.2 Penyataan Masalah	17
1.3 Persoalan Kajian	17
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Skop Kajian	19
1.6 Batasan Kajian	20

1.7 Definisi Termologi	21
1.7.1 Kelestarian	21
1.7.2 Adat	21
1.7.3 Perkahwinan	22
1.7.4 Cina Peranakan / Baba Nyonya	22
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.8.1 Individu	23
1.8.2 Masyarakat	24
1.8.3 Sektor Pelancongan	24
1.8.4 Negara	25
1.9 Kesimpulan	25
<hr/>	
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
<hr/>	
2.0 Pengenalan	26
<hr/>	
2.1 Sejarah Adat Perkahwinan Masyarakat Cina	27
<hr/>	
Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	

2.2 Maksud Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	30
2.3 Penggunaan Dialek Bahasa Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	33
2.4 Mengetahui tentang keunikan adab perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.	34
2.4.1 Adat Perkahwinan Yang Perlu Dibuat Semasa Majlis Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.	38
2.4.2 Adat Perkahwinan Masyarakat Cina Peranakan Sebelum, semasa dan selepas Berkahwin	41
2.5 Mengetahui tentang keunikan adab perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	44
2.6 Penutup	49
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	51
3.1 Reka Bentuk Kajian	52

3.1.0 Kaedah Kualitatif	52
3.1.1 Kajian Kes	52
3.2. Lokasi Kajian	53
3.3 Instrumen Kajian	54
3.3.0 Temu Bual	55
3.3.1 Soal Selidik	55
3.3.2 Kamera	56
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	56
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	57
3.5.0 Data Sekunder	57
3.5.1 Internet	57
3.5.2 Kajian Perpustakaan	58

3.6 Data Primer	
3.7 Rumusan	60
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	61
4.2 Analisis Dapatan Kajian 1: Sejarah Masyarakat Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong Terengganu	63
4.2.1 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan	64
4.2.2 Cara Masyarakat Cina Peranakan Berkembang	70
4.2.3 Masyarakat Cina Peranakan Kampung Pulau Duyong, Terengganu	72
4.2.4 Dialek yang digunakan Oleh Masyarakat Cina Peranakan	74
4.3 Analisis Dapatan Kajian 2 : Mengetahui Keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	77
4.3.1 Mengetahui Keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan	79

4.3.2 Keunikan Sebelum Majlis Perkahwinan Dilaksanakan	80
4.3.3 Keunikan Semasa Majlis Perkahwinan Dilaksanakan	83
4.3.4 Keunikan Selepas Majlis Perkahwinan Dilaksanakan	87
4.4 Analisis Dapatan Kajian 3 : Mengenalpasti Cara Melestarikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	88
4.4.1 Maksud Lestari	89
4.4.2 Cara Untuk Melestarikan Adat Perkahwinan	90
4.5 Penutup	93
BAB 5 RUMUSAN , PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	94
5.2 Perbincangan	95
5.2.1 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	96
5.2.2 Usaha Dalam Mengekalkan Keunikan Adat	97

Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	
5.2.3 Usaha Dalam Melestarikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong, Terengganu	98
5.3 Cadangan	98
I. Meningkatkan Penerapan kefahaman yang lebih mendalam mengenai Adat istiadat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu.	99
II. Mengadakan pameran setiap tahun untuk memperkenalkan kepada masyarakat mengenai Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.	100
III. Pihak kerajaan mengadakan kempen-kempen untuk mengejalan budaya pemakaian pakaian tradisional dan menggalakkan masyarakat untuk terus memartabatkan budaya masing-masing sama ada dalam negara mahupun sehingga ke luar negara.	101
5.4 Rumusan	101
5.5 Penutup	102
Rujukan	105
Lampiran	109

SENARAI RAJAH	HALAMAN
2.4.0 Sulaman Flora Pada Kain Tenunan	35
2.4.1 Upacara Cohtau	37
2.4.2 Upacara Pemberian The	39
2.4.3 Katil Pengantin	40
2.4.4 Bakul Siah Untuk Mengisi Makanan Kepada Pengantin	40
2.5 Pakaian Pengantin Masyarakat Baba Nyonya	43
2.6 Kasut Manek Nyonya	47
2.7 Baju Kebaya Nyonya Muda	48
2.8 Kerongsang Bertali	48
3.1. Kerangka Kajian	53
3.2 Peta Daerah Pulau Redang	54

4.1 Baju Kebaya Pendek Nyonya	66
4.2 Kain Kebaya Pendek	67
4.3 Bekas Makanan Bertingkat Warna Kuning	68
4.4 Bekas Makanan Bertingkat Warna Hijau	68
4.5 Jenis Makanan Masyarakat Cina Peranakan	69
4.6 Mee Kari	71
4.7 Perkampungan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong	72
4.8 Jenis Kuih-Kuih Tradisional	73
4.9 Puan Cheh Ah	77
5.0 Baju Kebaya Nyonya	79
5.1 Meja Upacara Cheh Tok	85

SENARAI JADUAL

3.5.1 Data Primer

59



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Adab perkahwinan cina peranakan ini merupakan salah satu adab perkahwinan daripada masyarakat 'baba nyonya'. Adab perkahwinan cina peranakan ini lebih kurang seperti perkahwinan masyarakat cina namun ia berbeza daripada segi adab dan upacara semasa perkahwinan dilaksanakan. Keistimewaan adab perkahwinan cina peranakan ini ialah daripada pakaian yang pengantin pakai dan pakaian yang akan dipakai oleh saudara mara semasa majlis perkahwinan diadakan. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengetahui mengenai adab perkahwinan masyarakat cina peranakan di kampung pulau duyong, Terengganu. Melalui kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data-data yang lebih terperinci bagi melengkapkan kajian. Hasil kajian ini pengkaji berjaya mengenal pasti mengenai adab perkahwinan cina peranakan di Kampung pulau duyong, Terengganu. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat menjadi rujukan tentang kelestarian adab perkahwinan cina peranakan di Kampung pulau duyong, Terengganu untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lagi tentang adab perkahwinan cina peranakan di kampung pulau duyong, Terengganu.

Katakunci : Adab perkahwinan, cina peranakan, Kampung, Pulau Duyong, Masyarakat

The Sustainability of Tradisional Chinese Marriages Customs In The Village Pulau Duyong,
Terengganu

ABSTRACT

This Peranakan Chinese wedding etiquette is one of the wedding etiquette of the ‘Baba Nyonya’ community. The manners of this Peranakan Chinese wedding are more or less like the wedding of the Chinese community but it is different in terms of manners and ceremonies during the wedding. The specialty of this peranakan Chinese wedding etiquette is from the dress that the bride wears and the dress that will be worn by the relatives during the wedding ceremony. Therefore, this study aims to find out about the marriage manners of the Peranakan Chinese community in the village of Pulau Duyong, Terengganu. Through this study, researchers will use qualitative methods to obtain more detailed data to complete the study. As a result of this study, the researcher managed to identify the Chinese marriage manners of Peranakan in Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Therefore, the researcher hopes that this study can be a reference on the sustainability of Peranakan Chinese marriage manners in Kampung Pulau Duyong, Terengganu for those who want to know more about Chinese Peranakan marriage manners in Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Keywords: Marriage etiquette, Chinese peranakan, Village, Pulau Duyong, Community

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Baba dan Nyonya adalah segolongan keturunan kaum Cina yang unik kedudukannya di kalangan kaum Cina yang terdapat di Malaysia, khususnya di negeri Terengganu yang bertempat di perkampungan Pulau Duyong. Bagaimanapun, sebahagian mereka enggan mengakui bahawa mereka adalah orang Cina dan mereka menganggap mereka di bawah keturunan masyarakat british, malahan keturunan Baba dan Nyonya ini sedikit sebanyak berbangga dengan kedudukan mereka sekarang. Mereka memanggil diri mereka sebagai "Baba" atau "Peranakan" kerana kebudayaan mereka, yang berasal daripada warisan tradisi Cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu.

Selanjutnya, kebanyakan anak-anak Baba dan Nyonya dibesarkan mengikut cara hidup dan upacara-upacara agama orang cina yang telah diubah oleh unsur-unsur kemelayuan serta unsur-unsur tempatan yang lain. Mereka tidak sepenuhnya mengamalkan amalan masyarakat cina dalam kehidupan seharian mereka tetapi mereka mencampurkan sedikit unsur budaya masyarakat setempat. Dalam seratus lima puluh tahun yang lalu, upacara ini telahpun diubah suai. Penghidupan moden yang terlalu cepat meninggalkan sedikit demi sedikit masa lapang untuk persembahan ke atas pengorbanan yang tidak berkesudahan itu.

Upacara ini semakin berkurangan disebabkan juga oleh pengaruh Barat, tetapi masih terus diamalkan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Baba dan Nyonya adalah segolongan keturunan kaum cina yang unik kedudukannya di kalangan kaum cina yang terdapat di Malaysia. Di Terengganu juga terdapat keturunan Baba dan Nyonya yang mana ia bertempat di perkampungan Pulau Duyong. Keturunan Baba dan Nyonya ia merupakan di bawah keturunan masyarakat cina namun ia mengamalkan amalan dan konsep seperti masyarakat setempat dan tidak sepenuhnya mengamalkan amalan masyarakat cina sepenuhnya. Dari segi pakaian juga berbeza kerana mereka untuk Nyonya iaitu kaum wanita akan memakai pakaian seperti kebaya pendek dan kain batik. Contohnya ialah pakaian Nyonya serupa dengan pakaian tradisi Melayu, iaitu terdiri daripada baju kebaya (baju panjang dan batik sarung) dan kerongsang. Pakaian ini juga boleh dilihat di Muzium Baba di Jalan Tan Chen Lok. Pernyataan ini diperkuatkan lagi daripada pernyataan yang ditulis oleh Tan chee Beng (2000).

Selain itu, mereka juga menggelarkan atau memanggil diri mereka sebagai 'Baba' atau 'Peranakan' kerana kebudayaan mereka, yang berasal daripada warisan tradisi cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Penyesuaian dan resapan budaya mereka terhadap suasana sosio-budaya di persekitaran mereka di zaman silam, iaitu melalui perkahwinan campur yang berlaku di antara kaum-kaum cina dan melayu, adalah punca utama mengapa generasi-generasi seterusnya memanggil mereka sebagai 'Baba'. Dari segi anutan, kebanyakannya masih mengekalkan agama tradisional cina dan buddha, namun

telah ramai yang memeluk agama lain seperti kristian yang amat popular dalam kalangan remaja.

Selanjutnya mengenai perkahwinan masyarakat cina peranakan. Majlis perkahwinan Peranakan yang banyak mengetengahkan tradisi cina merupakan antara perkahwinan tradisi yang paling berwarna-warni di Malaysia. Majlis diserikan dengan lagu berirama spontan dondang sayang yang dinyanyikan di dalam bahasa melayu dan ditari oleh para hadirin di jamuan. Dondang sayang memerlukan kemahiran berjenaka dan bertikam balas, siapa yang bijak berdondang maka dialah yang meraih gelak ketawa dan tepukan tangan ramai-ramai. Pelat loghat dan cara berbahasa Baba dan Nyonya serta kepandaian menyerikan lagi persembahan. Perkahwinan dalam masyarakat Baba dan Nyonya adalah sangat berbeza dengan masyarakat cina. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek terutama dari segi adab-adab semasa majlis perkahwinan dijalankan seperti yang dinyatakan.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah sebahagian masyarakat muda sekarang kurang mengetahui mengenai adab perkahwinan cina peranakan di perkampungan Pulau Duyong, Terengganu. Selanjutnya, penduduk Kampung Pulau Duyong tidak kesemuanya mengetahui mengenai adab cina peranakan dan hanya tinggal beberapa keluarga sahaja yang masih mengamalkan adab-adab perkahwinan cina peranakan. Oleh itu, sedikit permasalahan yang harus pengkaji hadapi dalam membuat kajian ini. Keadaan ini amat berbeza dengan orang cina peranakan Baba Nyonya di Melaka pada masa ini yang kebanyakannya tidak fasih berbahasa melayu dan menggunakan bahasa inggeris untuk bercakap dan menulis (khoo, 2004:1-20).

Menurut Khoo kay kim (2004) pula, beliau turut melihat orang cina tidak berasimilasi sepenuhnya. Tetapi, mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan. Orang cina sebenarnya tidak begitu sanggup berasimilasi kerana mereka mempunyai adat dan mengekalkan nama keluarga. Perkara ini dilihat oleh Khoo kay kim (2004) ada kesan kepada moral dan semangat berpanduan masyarakat cina.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan yang berkenaan dengan tajuk kajian :

1. Bagaimanakah sejarah dan perkembangan adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu?
2. Apakah keunikan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu ?
3. Bagaimanakah cara melestarikan adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu ?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui sejarah dan perkembangan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.
2. Mengetahui keunikan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.
3. Mengenalpasti cara melestarikan adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

1.5 Skop Kajian

Dalam kajian yang hendak dijalankan ini, pengkaji membahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian terhadap keunikan adat perkahwinan cina peranakan, sejarah dan perkembangan adab perkahwinan cina peranakan dan cara melestarikan adab perkahwinan cina peranakan. Kampung Pulau Duyong, Terengganu adalah merupakan kawasan yang ingin dijadikan sebagai tempat kajian. Di perkampungan Pulau Duyong terdapat sekumpulan masyarakat cina peranakan yang masih mengamalkan amalan agama dan adab masyarakat mereka. Mereka juga masih mengamalkan adat perkahwinan mengikut cara masyarakat cina peranakan. Mereka juga masih mengamalkan pemakaian rasmi mereka iaitu Nyonya berpakaian kebaya pendek dan berkain batik. Mereka masih meneruskan tradisi masyarakat Baba dan Nyonya terutama dalam bidang perkahwinan.

Oleh hal yang demikian, cina peranakan ini juga dikenali dengan panggilan ‘Baba Nyonya’. Masyarakat cina peranakan ini adalah masyarakat yang mana ia mengamalkan adat campuran iaitu adat masyarakat melayu dan cina. Masyarakat Baba Nyonya ini terdahulu terkenal di negeri Melaka dan Pulau Pinang. Masyarakat Baba Nyonya terkenal dan dikenali di dalam golongan masyarakat Melaka dan Pulau Pinang. Pakaian yang dipakai oleh masyarakat cina peranakan juga banyak terpengaruh daripada orang melayu tetapi telah diubah mengikut kesesuaian mengikut adat masyarakat cina peranakan. Lantaran itu, pengantin masyarakat cina peranakan memakai pakaian seakan pengantin masyarakat cina namun diubah mengikut cara pakaian cina peranakan.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian di dalam kajian yang dilaksanakan. Batasan kajian pertama adalah pengkaji hanya akan memfokuskan kepada kawasan Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Hal ini kerana maklumat dan segala yang berkaitan dengan kajian yang sepenuhnya memfokuskan kepada adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Batasan kajian yang kedua ialah pengkaji akan membuat soal selidik dengan responden mengikut jumlah yang telah ditetapkan sahaja. Selain itu, batasan kajian yang ketiga ialah pengkaji mempunyai had masa untuk ke tempat kajian kerana tempat kajian mengenai adat perkahwinan cina peranakan berada di Kampung Pulau Duyong, Terengganu manakala pengkaji berada di Kelantan.

1.7 Definisi Termologi

1.7.1 Kelestarian

Menurut pernyataan daripada Ah Coy (2001), menegaskan bahawa kelestarian secara umumnya membawa maksud pengkalan sesuatu perkara atau keadaan. Ini bermakna, kelestarian ada kaitannya dengan usaha mengekalkan serta memelihara keasliannya. Walaupun begitu, kelestarian dalam konteks yang lebih luas sewajarnya merangkumi bukan sahaja pengkalan tetapi turut menambak baik keadaan sedia ada terutama dalam mengekalkan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

1.7.2 Adat

Menurut pernyataan daripada Pue (2005), Setiap kaum dan bangsa di Malaysia mempunyai adat istiadat dan kepercayaan yang tersendiri di dalam urusan perkahwinan. Baba dan Nyonya merupakan salah satu masyarakat minoriti di Malaysia yang mempunyai adat istiadat perkahwinan yang unik, berbeza dengan adatadat daripada masyarakat yang lain. Sebelum pengaruh inggeris masuk ke dalam adat resam masyarakat Baba dan Nyonya, segala urusan mencari jodoh bagi anak perempuan diatur oleh kedua-dua ibu bapa. Sekiranya, seseorang perempuan itu belum berkahwin sebelum usia 20 tahun, mereka akan dianggap sebagai anak dara tua. Bahkan, mereka juga akan mengalami kesukaran dalam soal mencari jodoh.

1.7.3 Perkahwinan

Perkahwinan merupakan satu perkara yang sangat indah dan merupakan saat bahagia bagi pasangan yang bercinta. Perkahwinan tradisional Baba Nyonya berlangsung dalam tempoh yang agak lama dan panjang iaitu selama dua belas hari atau dikenali dengan adat 'dua belas hari' oleh masyarakat setempat. Mereka akan mengenakan pakaian tradisional. Ibu bapa pengantin akan bersua di rumah pengantin perempuan selama enam hari pertama sehingga dua belas hari. Satu jamuan ringan akan diadakan untuk kedua-dua belas hari perkahwinan.

1.7.4 Cina Peranakan / Baba Nyonya

Masyarakat Baba Nyonya juga dikenali dengan masyarakat cina peranakan yang telah wujud lamanya pada zaman Melaka. Golongan ini telah wujud hasil daripada perkahwinan orang-orang cina yang datang ke tanah melayu dan akhirnya berkahwin dengan orang melayu. Kebanyakan keturunan Baba Nyonya dibesarkan mengikut cara hidup dan upacara-upacara agama orang cina yang telah diubah oleh unsur-unsur kemelayuan serta unsur-unsur tempatan yang lain. Walaubagaimanapun, arus modem masa kini telah meninggalkan sedikit demi sedikit budaya tradisional masyarakat Baba Nyonya di dalam kehidupan masyarakat cina peranakan yang sekarang.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian di dalam kelestarian adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu ini akan memberikan kepentingan kepada masyarakat, individu, institut pelancongan dan Negara.

1.8.1 Individu

Kajian yang dijalankan dalam projek penyelidikan I & II ini memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui dan meengenalpasti mengenai adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Kepentingan kajian ini dapat memberikan perkara dan nilai positif kepada individu. Hal ini dinyatakan demikian, kerana ia dapat membantu seseorang individu untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan dan membantu daripada segi pengetahuan baru mengenai adat perkahwinan

cina peranakan ini. Hal ini dinyatakan demikian kerana tidak ramai individu sekarang yang mengetahui secara mendalam mengenai adat perkahwinan cina peranakan ini terutamanya di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

1.8.2 Masyarakat

Penghasilan kajian yang dijalankan ini terhadap masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu dan suku cina peranakan adalah suku yang tergolong dalam golongan masyarakat melayucina. Hal ini demikian kerana . adat perkahwinan cina peranakan ini merupakan salah satu perkara yang seharusnya perkara yang harus diketahui oleh setiap golongan masyarakat. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat untuk membuka mata bahawa adat perkahwinan cina peranakan ini merupakan perkara yang harus menjadi kebanggaan kerana ada pelbagai jenis adat perkahwinan yang dapat kita ketahui.

1.8.3 Sektor Pelancongan

Secara umumnya, kelestarian adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu ini boleh dikategorikan sebagai warisan kerana ia merupakan salah satu perkara yang unik berlaku di Negara Malaysia. Kajian yang dijalankan ini akan memberi kepentingan kepada sektor pelancongan. Hal ini dinyatakan kerana ia berkait rapat dengan sektor pelancongan. Adat perkahwinan cina peranakan ini merupakan salah satu perkara yang sangat unik dan jarang terjadi di Negara lain. Oleh itu, adat perkahwinan cina peranakan ini menjadi salah satu keunikan dan keuntungan dalam sektor pelancongan.

1.8.4 Negara

Kajian ini yang dijalankan untuk memberikan kepentingan kajian kepada negara. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kelestarian adat perkahwinan cina peranakan adalah satu perkara yang jarang didengari di negara luar serta keunikannya yang berbeza daripada masyarakat cina dan melayu. Hal ini juga menjadi satu kebaikan untuk Negara menjaga dan sentiasa menjaga adat perkahwinan cina peranakan agar tidak lusuh dek zaman. Ini bertujuan untuk menjaga warisan negara yang sememanya unik.

1.9 Penutup

Tuntasnya, dalam bab 1 ini menjelaskan mengenai kajian yang ingin dilakukan serta menyatakan fokus kajian ini terhadap kelestarian adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Selain itu di dalam bab ini juga menerangkan mengenai objektif kajian yang ingin dilaksanakan semasa kajian ini dilaksanakan. Selain itu, setiap kajian yang ingin dilaksanakan sememangnya boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat setempat mengenai adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di kampung pulau duyong, Terengganu.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian atau kajian Literatur adalah merupakan hal-hal yang menerangkan mengenai fakta dan penerangan yang benar. Ia juga banyak memberi bukti mengenai teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan semata-mata. Tinjauan literatur adalah dokumentasi yang diperlukan dalam proposal kajian. Dalam penyediaan kajian yang bermanfaat perkara yang amat penting untuk dijalankan ialah membuat sorotan literasi terhadap kajian-kajian yang lepas. Terdapat beberapa sumber rujukan utama yang dijadikan sebagai ‘pengekalan dan perubahan identiti komuniti cina peranakan kelantan’ artikel ini telah dikarang oleh (Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah, 2013). Karya ini banyak menerangkan konsep untuk mengekalkan perubahan identiti komuniti cina peranakan di Kelantan. Ia adalah kajian yang mana menceritakan mengenai masyarakat cina peranakan di Kelantan. Di dalam sorotan kajian ini juga terdapat kandungan mengenai beberapa pernyataan , kaedah, teori , pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang telah dipilih.

Kajian terhadap kelestarian adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Pengkaji terlebih dahulu perlu mencari dan mendapatkan tinjauan literatur bertujuan untuk membentuk kerangka kajian dan mendapatkan tinjauan literatur bertujuan membentuk kerangka kajian lanjutan. Selain itu, ia juga membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran yang jelas dan lebih awal dan jelas tentang fokus dan skop penyelidikan yang boleh dijalankan. Ternyata kajian literatur memainkan peranan penting dalam membimbing pemerolehan lebih banyak pengetahuan dan membina idea dalam penyelidikan yang dijalankan.

Kajian utama ialah kajian literatur yang bertujuan untuk mengelakkan penyelidik daripada membuat kajian yang sama seperti kajian lepas tanpa menambah baik kelemahan kajian lepas. Kajian literatur juga sangat membantu dalam menentukan tahap persetujuan di kalangan penyelidik sebelum mengenal pasti mengenai kajian yang bakal dijalankan. Malah ia juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada usaha dalam rekabentuk kajian yang bakal kita jalankan dan membantu dalam mendapatkan mengenai maklumat cadangan kajian serta membantu mendapatkan kajian literatur dan membina idea dalam penyelidikan kajian yang akan dijalankan.

2.1 Sejarah Adat Perkahwinan Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Masyarakat cina peranakan adalah merupakan golongan masyarakat cina yang mana menggelarkan golongan mereka sebagai Baba dan Nyonya. Golongan ini bukannya di bawah golongan masyarakat cina sepenuhnya tetapi mereka adalah golongan cina yang mengamalkan ciri budaya melayu dalam adat masyarakat mereka. Masyarakat cina peranakan ini juga adalah di bawah sesuatu komuniti yang hibrid dan berkembang secara tersendiri. Istilah cina peranakan yang lebih jelas dikenali dengan panggilan Baba dan Nyonya. Baba dan Nyonya

adalah panggilan yang digunakan secara khas untuk masyarakat cina peranakan. Peranakan cina ini juga dikenali sebagai cina totok iaitu cina separuh, melayu separuh cina menurut hasil kajian ‘ Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu’ yang dikarang oleh (Tan Yao Sua, 2011). Hal ini jelas dinyatakan demikian kerana di dalam adab masyarakat cina peranakan dalam hal perkahwinan banyak mengamalkan amalan daripada masyarakat melayu daripada segi pakaian dan adab masyarakat cina daripada segi pemakanan dan upacara.

Cina peranakan di Terengganu dikatakan telah wujud pada sekitar abad ke-14 iaitu ketika Kuala Terengganu menjadi tempat persinggahan utusan kerajaan ming china pada sekitar tahun 1405-1433. Mereka ini adalah merupakan generasi kesembilan hingga ke-11 yang masih mengekalkan warisan cina tapi pada masa yang sama menggabungkan budaya, masakan dan gaya hidup melayu tempatan. Apa yang istimewanya, golongan masyarakat cina peranakan ini hampir 70 peratus berkomunikasi menggunakan bahasa Baba Nyonya. Iaitu bahasa masyarakat cina peranakan. Anak peranakan cina di Terengganu, (Rosita Abdullah Lau) ada menyatakan mengenai cina peranakan ini di dalam buku yang ditulis oleh beliau yang bertajuk ‘Waterfront Heirlooms: Reflections of the kampung china peranakan’.

Menurut Mokhtar Naim (1984) ada menyatakan mengenai maksud ‘merantau’. mempunyai enam unsur, iaitu meninggalkan kampung halaman, dengan kemahuan sendiri, untuk jangka waktu yang lama, dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman dan biasanya kembali ke kampung halaman. Oleh itu, masyarakat cina peranakan ini juga boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada masyarakat merantau. Justeru itu, masyarakat cina peranakan ini digelar sebagai perantau kerana mereka berpindah dan menyatakan bahawasanya mereka bukannya masyarakat asal daripada terengganu tetapi masyarakat yang telah berpindah daripada negara lain dan menetap di sini.

Terengganu adalah sebuah negeri yang boleh dinyatakan sebuah negeri yang agak besar dan mempunyai berpuluh-puluh penduduk. Masyarakat Cina peranakan yang tinggal di sekitar kawasan Kampung Pulau Duyong, Terengganu yang terletak kira-kira 20 km dari bandaraya Kuala Terengganu. Jumlah penduduk tetap di Kampung Pulau Duyong adalah 73 orang. Bilangan penduduk tetap yang agak kecil ini disebabkan penghijrahan keluar orangnya, terutamanya generasi muda, yang tidak berminat mengambil alih aktiviti pertanian daripada generasi tua (kebanyakannya dalam lingkungan umur 60an dan 70an).

Kebanyakan mereka menetap dan bekerja di Kuala Terengganu. Ada yang mendirikan keluarga di situ. Mereka hanya balik ke Kampung Pulau Duyong pada hujung minggu untuk beberapa jam sebelum pulang ke Kuala Terengganu kembali. Perkampungan ini terletak di tepi Jalan Serada iaitu satu-satunya jalan yang membelahi kedua-dua buah perkampungan ini dengan dikelilingi beberapa buah perkampungan Melayu, iaitu Pengadang Baru, Kampung Beladau, Kampung Banggul Chempedak, Kampung Baru Serada, Kampung Banggul Tok Ku dan Kampung Banggul Mempelam.

Kini hanya ada 14 buah keluarga peranakan Cina menetap di Kampung Pulau Duyong. Secara tradisi, penduduk di situ menceburi aktiviti penanaman getah. Getah mula ditanam di situ pada tahun 1919 (Gosling 1964). Rumah mereka dikelilingi kebun kecil getah berkeluasan kira-kira satu setengah ekar. Mereka juga menanam pokok buah-buahan, seperti durian, duku, langsung, rambutan dan salak sebagai sumber pendapatan tambahan. Pernyataan di atas diambil daripada jurnal yang telah ditulis oleh 'Tanyao sua' (2011), memberi penjelasan mengenai masyarakat Cina di Kampung Pulau Duyong, Kampung Pulau Duyong adalah sebuah perkampungan masyarakat Cina peranakan yang berada bersebelahan perkampungan Cina Banggol Kemang.

Ahli sejarah mengatakan bahawa migrasi purba “bagai ombak” berpindah dari China Selatan ke negara Asia Tenggara. Mereka membawa budaya mereka ke tempat baharu.

Menurut Wang Gungwu (1985), “perpindahan manusia ke tempat baharu boleh mengekalkan kuasa seseorang. Lebih ramai penduduk akan memperkuat kedudukan mereka terutama jika kawasan taklukan mereka berpotensi dari segi ekonomi misalnya bijih timah” (Wang Gungwu, 1985:23)

2.2 Maksud Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Nama Cina Peranakan telah digunakan sejak 1980 an bagi merujuk komuniti cina Kampung ini. Mereka mewarisi satu budaya yang sama terutama bahasa, mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu dialek Terengganu, di samping bahasa Cina Hokkien yang telah mengalami perubahan. Cina Peranakan Terengganu sampai sekarang masih menggunakan bahasa Melayu terutama ketika bermesyuarat, berceramah atau menulis. Keadaan ini amat berbeza dengan orang Cina Peranakan Baba-Nyonya di Melaka pada masa ini yang kebanyakannya tidak fasih berbahasa Melayu dan menggunakan bahasa Inggeris untuk bercakap dan menulis (Khoo, 2004:1-20).

Hal ini jelas kerana menurut kajian masyarakat cina peranakan di Terengganu banyak menggunakan bahasa tempat Terengganu dalam berbual, bercakap dan berkomunikasi.

Mereka kurang menggunakan bahasa ibunda mereka dalam berbicara dan berkomunikasi.

Menurut (Lee 2007) Baba merupakan istilah pinjaman daripada india yang merujuk kepada lelaki cina.

Menurut Khoo Kay Kim (2004) pula, beliau turut melihat orang cina tidak berasimilasi sepenuhnya. Tetapi, mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat cina peranakan di Terengganu ini banyak menggunakan bahasa tempatan dan mereka juga kurang mendominasi budaya mereka dalam kehidupan. Orang Cina sebenarnya tidak begitu sanggup berasimilasi kerana mereka mempunyai adat dan mengekalkan nama keluarga. Mereka pernah mengorbankan bahasa tanpa mengorbankan adat. Hal ini jelas kerana menurut pernyataan Wang cheng (2011) beliau menyatakan masyarakat cina tidak akan pernah meninggalkan adat mereka walaupun mereka berhijrah di negara orang, bahasa mungkin berubah tetapi adat istiadat tidak pernah berubah.

Apa yang berlaku hanyalah integrasi adat cina dengan adat tempatan. Misalnya, jika orang cina beristerikan orang Sumatera, maka anak mereka mengikut ibu. Anak itu akan mempelajari adat istiadat ibu. Namun anak itu masih mengamalkan adat istiadat cina seperti menyembah nenek moyang. Kini, adat itu kurang diamalkan. Orang Cina yang beragama Kristian tidak begitu sanggup untuk meneruskan adat menyembah nenek moyang. Perkara ini dilihat dalam pernyataan yang ditulis oleh Khoo Kay Kim (2004) ada kesan kepada moral dan semangat perpaduan cina peranakan, terutama bagi orang cina peranakan sekarang yang kurang mengamalkan tradisi nenek moyang.

2.3 Penggunaan Dialek Bahasa Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Menurut Norazila (1986:129) menjelaskan bahawa sesuatu bahasa atau dialek berbeza daripada bahasa atau dialek berbeza akibat daripada pengaruh alam dan persekitaran yang berlainan. Menurut beliau lagi perbezaan ini boleh dilihat menerusi sistem bunyi dan leksika. Hal ini jelas dinyatakan kerana dialek ini boleh berubah inotasi bahasa dan maksud. Setiap masyarakat setempat kemungkinan boleh membawa pelbagai jenis bahasa dan dialek. Hal ini juga sama dengan masyarakat cina peranakan. Mereka juga mempunyai dialek tersendiri yang mana dialek mereka berkedengaran seperti bahasa melayu dan juga bahasa cina tetapi mereka mempunyai slang dan bunyi tersendiri. Masyarakat cina peranakan ini juga membahasakan diri mereka dengan panggilan ‘Baba dan Nyonya’.

Menurut khoo (1990) menyatakan bahasa Baba dan Nyonya ini berasal daripada suku kaum Hokkien dan mereka masih menganggap diri mereka sebagai orang Hokkien meskipun kebanyakannya tidak pandai bertutur dalam loghat Hokkien. Penggunaan bahasa Baba dan Nyonya ini juga terpengaruh daripada tutur bicara masyarakat melayu dan cina. Mereka mencampur kedua-dua bahasa di dalam satu slang dan maka terhasillah dialek daripada masyarakat cina peranakan atau dikenali dengan panggilan Baba dan Nyonya. Namun begitu, bahasa Baba dan Nyonya semakin terlupus kerana ramai masyarakat cina peranakan yang tidak menggunakan dialek mereka dan mereka kebanyakan bertutur di dalam bahasa melayu atau bahasa tempatan yang mereka tinggal. Hal ini jelas kerana terdapat banyak cina peranakan di Terengganu yang sekarang tidak mengetahui cara percakapan dialek bahasa Baba dan Nyonya dan mereka lebih mahir dalam bercakap dengan secara formal dan bahasa tempatan.

Menurut Encik Chan Kim Boon, penterjemah Sam Kok itu pernah menyebut dalam prakata bukunya bahawa kerja penterjemahan yang diusahakannya adalah untuk menghidangkan bacaan riang kepada kaumnya sendiri. Seperti yang telah diterangkan sebelumnya, bahasa yang dipakai dalam karya penterjemahan itu ialah bahasa Melayu Baba, sejenis bahasa melayu campuran. Bahasa ini mempunyai sistem tersendiri, tidak sama sepenuhnya dengan bahasa melayu baku. Menurut khoo (1990) , pemakaian bahasa itu memang tidak umum di dunia sastera melayu kerana ia telah bercampur aduk banyak loghatloghat Hokkien dengan bahasa melayu di samping memakai bahasa melayu dengan menggunakan sistem tatabahasa cina.

Oleh yang demikian, kaum Melayu yang masih menggunakan tulisan jawi semasa itu memang susah faham dan kurang minat terhadap karya-karya penterjemahan itu. Perkara ini juga menjadi penyebab sebilangan besar karya-karya tersebut telah diedarkan secara bersiri di akhbar-akhbar anjuran cina peranakan tempatan sebelum diterbitkan secara cetakan tersendiri. Hal ini kerana golongan pembaca akhbar-akhbar ini bukan lain tetapi kelompok Baba dan Nyonya itu sendiri. Hal ini jelas, kerana masyarakat cina peranakan pada zaman sekarang kurang berkomunikasi dan bertutur menggunakan bahasa ibunda mereka dan mereka banyak menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa utama mereka untuk berkomunikasi.

2.4 Mengetahui tentang keunikan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Adat ertinya arahan, panduan, atau peraturan hidup yang lazim dipakai sejak dahulu kala untuk mengatur tingkah laku anggota masyarakat, agar supaya kehidupan di dalam masyarakat berjalan dengan tertib, selamat dan damai. Menurut banyak pakar undang-undang dan adat, antara lain Navis (1984:85), Zainal Kling (1996:2), dan Noor Aziah Mohd Awal (2002: 81).

Oleh itu, adab ini tidak boleh sewenang-nya untuk dipakai guna oleh masyarakat lain kerana setiap masyarakat mempunyai adat mereka tersendiri terutama dalam adat perkahwinan. Masyarakat cina peranakan atau lebih dikenali dengan Baba dan Nyonya ini juga mempunyai keunikan mereka tersendiri dalam hal-hal berkaitan perkahwinan daripada segi sebelum , semasa dan selepas majlis perkahwinan dijalankan.

Adat perkahwinan Baba dan Nyonya merupakan adat perkahwinan yang paling unik di Malaysia. Menurut unsur-unsur kebudayaan cina dan melayu mempengaruhi adat perkahwinan ini. Perkahwinan Baba dan Nyonya ini berbeza sepenuhnya daripada perkahwinan masyarakat cina. Selanjutnya, perkahwinan merupakan suatu perkara yang amat penting di kalangan orang peranakan. Hal ini jelas kerana ini merupakan adat resam masyarakat cina peranakan, menurut mereka seseorang anak perempuan yang berumur lapan tahun biasanya telah mahir dalam masak-memasak, membuat sulaman, pertukangan tangan dan menjahit. Anak perempuan yang telah mencapai satu tahap yang memuaskan, ibu bapanya akan menyebarkan berita bahawa mereka sedang mencari bakal menantu. Biasanya, 'orang tengah' akan ditugaskan untuk mencari sebuah keluarga lain yang juga sedang mencari pasangan hidup untuk anak lelaki mereka.



Rajah 2.4.0 : Sulaman Flora pada kain tenunan

Sumber : https://en.wikipedia.org/wiki/File:StraitsChinese_Pottery_Phoenix.JPG

Adat perkahwinan masyarakat Baba Nyonya lebih kurang sama seperti masyarakat Melayu, adat merisik adalah perlu. Wakil dari pihak lelaki biasanya seorang wanita tua akan pergi ke rumah pihak perempuan. Ini adalah kerana pihak lelaki ingin mengetahui sama ada gadis yang hendak dipinang mempunyai budi pekerti yang baik, bersopan-santun dan pandai menguruskan rumahtangga. Jika keluarga pihak lelaki berkenan dengan calon tersebut, satu rombongan meminang akan dihantr. Peminangan ini diketuai oleh 'Mueynang'.

Apabila peminangan diterima, pihak perempuan akan meminta tempoh sebulan untuk menguji sama ada perkahwinan ini akan berkekalan atau tidak. Sepanjang tempoh ini, pinggan mangkuk, periuk belanga serta perkakas-perkakas kaca tidak boleh pecah atau jatuh. Jika ini berlaku, maka ditakrifkan perkahwinan tersebut tidak akan berkekalan. Sekiranya pada peringkat tersebut tiada apa-apa yang berlaku peringkat seterusnya akan diteruskan iaitu majlis naik belanja atau 'hari tukar cincin'. Pada majlis ini pihak lelaki akan menyediakan separuh daripada jumlah wang hantaran manakala separuh lagi akan diserahkan pada hari perkahwinan.

Semasa majlis naik belanja ini, pihak lelaki akan menghantar dua pasang lilin, empat botol arak, daging babi panggang beserta buah-buahan seperti limau dan epal. 'Mueynang' akan ditugaskan untuk menghantar barangan ini ke rumah pihak perempuan. Pihak perempuan akan mengambil separuh sahaja buah-buahan yang dihantar dan sepasang lilin. Sebagai balasan, pihak perempuan akan memberi dua botol air sirap dan gula-gula kepada pihak lelaki. Ini sebagai tanda mereka amat gembira dan sukacita atas pemberian tersebut. Seterusnya, pertukaran cincin pun dilakukan.

Langkah seterusnya, wakil pihak pengantin lelaki akan menghantar sekeping kertas merah bertulisan cina membawa maksud di mana, waktu dan tempat majlis perkahwinan ini hendak dilangsungkan yang disertakan dengan sepasang lilin. Pihak pengantin lelaki diwakili oleh lilin bergambar naga dan lilin bergambar burung merak mewakili pihak perempuan.

Sebelum majlis perkahwinan diadakan, kedua-dua pengantin mesti menjalankan upacara 'cohtau' di rumah masing-masing. Pengantin lelaki akan duduk di atas gantang beras (dibalut kertas merah) yang diletakkan di atas nyiru. Rambutnya disisir oleh seorang budak lelaki. Sementara itu, rambut pengantin perempuan disisir oleh seorang wanita biasanya sanak saudaranya sendiri. Kedua-dua pengantin dikehendaki berpakaian serba putih. Mereka akan diberitahu bahawa mereka akan memasuki alam perkahwinan dan haruslah menjalankan tanggungjawab masing-masing sebaik mungkin.



Rajah 2.4.1: Upacara 'Cohtau'

Sumber : [https://lh3.googleusercontent.com/CGnB9t-](https://lh3.googleusercontent.com/CGnB9t-4rxvxvZjvKBdPKi_VHM4ieuCt0d4moaFZ4xSSuw_idNQqFEEF93DmdbMZcxLROoQ=s15)

[4rxvxvZjvKBdPKi_VHM4ieuCt0d4moaFZ4xSSuw_idNQqFEEF93DmdbMZcxLROoQ=s15](https://lh3.googleusercontent.com/CGnB9t-4rxvxvZjvKBdPKi_VHM4ieuCt0d4moaFZ4xSSuw_idNQqFEEF93DmdbMZcxLROoQ=s15)

2.4.1 Adat Perkahwinan Yang Perlu Dibuat Semasa Majlis Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Persediaan untuk majlis perkahwinan dijalankan terutamanya di rumah pihak pengantin lelaki. Rumah dihiasi dengan indah dan beraneka jenis buah-buahan serta bunga diletakkan di meja sembahyang. Seorang wanita berpengalaman dari ahli keluarga pihak lelaki akan ditugaskan untuk menyiapkan berbagai upacara di bilik pengantin seminggu sebelum majlis perkahwinan. Antara upacara tersebut ialah menaburkan bunga rampai ditengah tilam baru, memasang langsir serta menyusun bantal-bantal yang baru. Manakala di empat penjuru kati diletakkan ‘angpau’ dan perkakas baru didalam bilik tersebut juga diletakkan ‘angpau’. Sepasang lampu minyak tanah dipasang dan perlu dipastikan lampu tersebut tidak dipadam sehingga 12 hari selepas perkahwinan. Bilik ini sentiasa dikunci dan hanya dibuka untuk memastikan lampu tersebut tidak terpadam.

Pada hari perkahwinan, pengantin lelaki akan menaiki kereta sambil diiringi oleh pengapit ke rumah pengantin perempuan. Tibanya di rumah pengantin perempuan, pintu kereta akan dibuka oleh pemuda, biasanya adik lelaki pengantin perempuan. Dia akan diberi ‘angpau’ oleh pengantin lelaki.

Selepas itu, mereka akan pergi ke rumah pengantin lelaki. Acara di rumah pengantin lelaki diadakan secara besar-besaran. Ia dikenali sebagai upacara ‘sembahyang samkai’. Adatnya pula dikenali sebagai ‘Perkahwinan Tambo Seroni’ kerana tiupan serunai dapat didengari sepanjang majlis perkahwinan tersebut. Di rumah pengantin lelaki juga mereka akan bersembahyang. Selesai sembahyang, kedua-dua pengantin memohon maaf serta meminta halalkan segala makan minum mereka daripada kedua belah ibu bapa mereka.

Selepas itu disusuli pula oleh 'adat sojah' . Dalam adat ini, kedua pengantin akan menjamu teh kepada setiap ahli keluarga yang lebih tua daripada mereka. Jika mengikut tradisi, kedua-dua pengantin terpaksa melutut ketika memberi secawan teh kepada orang yang disojah. Pengantin lelaki akan dibantu oleh 'pak-chi-nek' sementara pengantin perempuan pula oleh 'sang-ke-um' . tugas mereka adalah membantu kedua-dua pengantin ketika melutut dan membangun. Ini adalah kerana setiap kali mereka melutut, pakaian haruslah sentiasa kemas dan rapi. Walau bagaimanapun pada masa ini, kedua-dua pengantin tidak lagi dipaksa melutut ketika 'adat sojah'. Mereka dibenarkan berdiri ketika melakukannya. Biasanya orang-orang yang 'disojah' memberi 'angpau' kepada mereka. Ada juga yang memberi barang kemas seperti rantai atau cincin.



Rajah 2.4.2 : Upacara pemberian teh

Sumber : <https://www.penang-traveltips.com/chinese-traditional-wedding.htm>

Pada keesokan harinya, pengantin perempuan akan menuang teh kepada kedua-dua mertuanya sebagai satu tanda bahawa dia sekarang adalah salah satu ahli keluarga tersebut dan akan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh keluarga itu. Seterusnya, adat '12 hari'

akan diadakan 12 hari selepas perkahwinan. Kedua-dua pengantin akan ke rumah pengantin perempuan untuk mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa pihak perempuan kerana merestui perkahwinan mereka. Satu jamuan diadakan di rumah pengantin perempuan. Pengantin akan dijamu dengan nasi lemak bersama-sama 12 jenis sambal. Pengantin lelaki berjanji kepada mentuanya bahawa dia akan menjaga isterinya dengan baik. Pengantin lelaki akan memberi 'angpau' kepada mentuanya sebagai tanda bahawa anak perempuan mereka kini adalah hak miliknya.



Rajah 2.4.3 : Katil Pengantin

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs>

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 2.4.4 : Bakul siah untuk mengisi makanan kepada pengantin

Sumber: http://3.bp.blogspot.com/T_0OKG6ahn8/UUibq9B73AI/AAAAAAAAAHs/_gkLiYlXLtI/s1600/baba_nyonya_bakul_siah_wedding_gifts.jpg

2.4.2 Adat Perkahwinan Masyarakat Cina Peranakan Selepas Berkahwin

Terdapat beberapa buku yang mengentegahkan adat dan budaya masyarakat baba nyonya ini. Misalnya di dalam penulisan Jonny chee (2008) beliau menyatakan beberapa kerat pantun mengenai Baba Nyonya yang semakin dilupakan oleh generasi pada hari ini. Oleh itu, terdapat beberapa adat dan upacara yang dilakukan selepas perkahwinan masyarakat cina peranakan di Pulau Duyong , Terengganu.

Chia n lang kheh merupakan jamuan makan malam di rumah pengantin perempuan. Sepanjang malam tersebut terdapat kumpulan 'surunee' atau serunai akan menghiburkan hadirin yang hadir. Pengantin perempuan akan di hias dan di andam oleh 'sang kheh umm' atau mak andam. Peranan mak andam ini adalah mengajar pengantin perempuan berjalan, berlutut dan sebagainya. Manakala pengantin lelaki pula akan dibantu oleh 'pak chindek' iaitu orang yang terlibat di dalam penghantaran kad jemputan perkahwinan.

Chiu Thau merupakan pemberian yang dianggap suci dan dipersembahkan di tempat pemujaan. Tempat pemujaan khasnya di panggil 'sam kai' atau 'sang kuantai tay' yang mewakili syurga, bumi dan manusia. Pada hari ini, pengantin lelaki yang akan memulakan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, kedua-dua pengantin tidak boleh bertemu selagi tidak menjalani adat atau upacara 'chim pang'.

Chim pang merupakan pertemuan pertama diantara pengantin lelaki dan pengantin perempuan di dalam hidup mereka. Ia bermula dengan upacara memasang lilin oleh kedua-dua ibu bapa pengantin lelaki dan perempuan. Selepas kedua-dua pengantin di ketemuan mereka akan duduk di kerusi yang disediakan dan berhadapan antara satu sama lain.

Upacara 'choon tok' ialah upacara untuk pasangan pengantin makan bersama sebagai suami isteri. Pada hari 'sah jit' merupakan hari pengantin memberi sembah hormat kepada ahli keluarga dan juga tuhan mereka.

Chian sia ialah upacara untuk menjemput untuk adat resam dan ia lebih kepada pihak pengantin lelaki. Pada hari ini pengantin perempuan akan memakai baju kurung dan kain sarung yang diperbuat daripada kain broked dan di tenun dengan benang perak dan emas. Pada hari ini juga nyanyian 'dondang sayang' akan dinyanyikan dan diselang-selikan dengan lawak jenaka, pujian dan rangsangan.

Dua belas hari merupakan jemputan untuk makan malam untuk ahli keluarga si mertua pengantin perempuan. Tujuannya ialah untuk mengeratkan hubungan persaudaraan di antara kedua-dua belah pihak. Sesungguhnya, di dalam upacara sebeginilah hubungan kekeluargaan dapat dieratkan lagi.

2.5 Mengetahui tentang keunikan adab perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Ini merupakan salah satu contoh pakaian tradisional pengantin cina peranakan pakai semasa majlis perkahwinan dijalankan.



Rajah 2.5.0 : Pengantin Baba Nyonya

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs=simg:CAQSj>



Rajah 2.5.1 : Gambar Keluarga Pengantin

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs=simg>



Rajah 2.5.2 : Pakaian pengantin masyarakat baba nyonya

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs=simg>:

Gambaran di atas adalah gambaran kepada pakaian tradisi perkahwinan masyarakat cina peranakan. Pakaian tradisi ini semakin lama semakin menghilang adatnya kerana masyarakat cina peranakan sekarang kurang menggunakan dan memakai pakaian rasmi

perkahwinan masyarakat cina peranakan ini. Ini jelas kerana masyarakat cina peranakan sekarang kurang memahami dan menjaga adat istiadat perkahwinan mereka. Oleh itu, susah sekarang untuk melihat pakaian rasmi perkahwinan mereka dan hanya segelintir masyarakat sahaja yang masih mengikuti adat istiadat masyarakat mereka.

Nyonya dalam baju panjang adalah merujuk kepada kebudayaan Baba dan Nyonya pakaian tradisional . Pakaian hingga ke hari ini masih terdapat banyak kaum Nyonya yang memakai kain sarung dan kebaya. Pakaian Nyonya ini berlainan dan merupakan satu simbol kepada masyarakat cina peranakan. Baba dan Nyonya adalah segolongan keturunan kaum cina yang unik kedudukannya. Busana kaum minoriti ini telah berasimilasi antara kebudayaan tulen masyarakat cina seawal .

Selanjutnya, Perkahwinan tradisional Baba Nyonya merupakan satu majlis yang memenatkan dan akan berlangsung selama 12 hari. Baba dan Nyonya dalam pakaian tradisional perkahwinan tradisional Baba Nyonya. Orang tua pasangan pengantin akan menguruskan tarikh melangsungkan perkahwinan setelah mereka memilih satu hari yang baik bertuah dengan menggunakan kalendar cina jempunan. Seterusnya, jempunan secara peribadi ke setiap rumah Pak Chindek akan ditugaskan untuk menyampaikan kad jempunan yang bersampul merah jempunan kawan kawan dan saudara mara adalah berbeza akan mengambil masa. Sekalipun ada beberapa upacara yang mempunyai persamaan dengan kaum cina namun jika di teliti seakan-akan adatnya bercirikan kemelayuan. Menurut mereka jika orang yang sama berkahwin sekali lagi pun dia tidak akan berpeluang untuk mempunyai upacara sebegini sekali lagi.

Pakaian kaum baba dan nyonya telah menjadi tarikan utama bagi etnik tersebut kerana kebanyakan mereka berpakaian bagi generasi kini. Upacara (cheo thau) dimulakan di rumah pengantin perempuan terlebih dahulu di mana (sam kai colok) akan dinaikkan mengadap pintu utama. Meriah bila saudara-mara mengenakan pakaian kebaya. Ini jelas kerana saudaramara yang hadir ke majlis perkahwinan mereka haruslah mengenakan pakaian kebaya sebagai salah satu adab semasa menghadiri majlis perkahwinan masyarakat cina peranakan.

Busana baba nyonya sangat unik dan indah. Busana kaum ini minoriti telah diaptasi antara kebudayaan tulen dan masyarakat cina. Busana Baba Nyonya agak serupa dengan pakaian tradisi melayu yang mana terdiri daripada baju kebaya, sarung batik serta kerongsang berangkai. Penggunaan material yang hampir sama, corak serta bentuk busana mereka dengan bangsa melayu yang mana ia tidak jauh beza namun terdapat ciri-ciri yang unik dan mencerminkan identiti mereka.

Kasut manek adalah merupakan khazanah yang tidak bernilai pada golongan Baba Nyonya. Kasut manek adalah merupakan kasut buatan tangan yang memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi untuk dihasilkan daripada jalinan manik-manik kaca yang bersegisegi halus pada kain terpal. Asalnya, manik-manik yang digunakan untuk menghiasi kasut manek diimport sepenuhnya daripada eropah namun lama-kelamaan diperolehi dari jepun kerana lebih berkualiti dan lebih oriental. Corak dan motif pada kasut manek Baba Nyonya kebanyakannya terdiri daripada flora dan fauna seperti bunga teluki, mawar, alamanda burung cenderawasih, naga, singa dan sebagainya. Padanan warna yang digunakan pada manik dan pakaian wanita nyonya mestilah sepadan dan banyak dipengaruhi oleh kebudayaan mereka. Semenjak tahun 1930an kasut manek telah mengalami revolusi dan diberi nafas baru dengan rekaan yang lebih moden dan ringkas serta ditambah tumit pada bahagian belakang kasut, ia bertujuan untuk memberi keselesaan kepada pemakai. (Koh Kim).



Rajah 2.5.3 : Kasut Manek Nyonya

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs=simg:>

Kebanyakan wanita muda Baba Nyonya masih lagi memakai kebaya bermotif indah dengan kain sarung berkerongsang rangkai serta dipandankan dengan kasut manek yang cantik. Mereka akan bersanggul sama ada sanggul satu atau sanggul dua dengan memakai dengan cucuk sanggul yang bermotif flora atau fauna selanjutnya mereka juga akan memakai gelang kaki, rantai serta gelang tangan. Sanggul dua hanya dibenarkan untuk wanita nyonya yang belum berkahwin sahaja.

Kebaya pendek hanya boleh dipakai oleh golongan Nyonya yang belum berkahwin sahaja. Manakala untuk golongan wanita Baba Nyonya yang telah berusia (mereka lebih dikenali dengan panggilan bibik) mereka akan mengenakan pakaian kebaya panjang dan labuh serta berkolar tinggi yang akan menutup bahagian dada. Kebaya panjang tersebut mestilah melebihi bawah lutut, terbuka di bahagian depan seakan-akan kebaya dan tidak berpotongan seperti tubuh badan. Berkerong panjang dan memakai baju berwarna putih di bahagian dalam. Kasut mereka bersulam dan mempunyai pelbagai motif dan warna yang tidak keterlaluan serta bersesuaian dengan umur mereka.



Rajah 2.5.6 : Baju kebaya nyonya muda

Sumber : <https://www.google.com/search?sa=G&hl=en-MY&tbs=simg:>



Rajah 2.5.7 : Kerongsang Bertali

Sumber :

https://lh3.googleusercontent.com/ua7Gf_88HdljrufqLKbbxE9idDtfMg5_cQyWpDkjM9w4

[N_5ARfG9UMPQdRUysi7YrbpTSo=s85](https://lh3.googleusercontent.com/ua7Gf_88HdljrufqLKbbxE9idDtfMg5_cQyWpDkjM9w4_N_5ARfG9UMPQdRUysi7YrbpTSo=s85)

Penutup

Berdasarkan huraian di atas, ternyata bahawa apa yang dikatakan mengenai budaya Baba Nyonya adalah budaya kelompok orang cina melaka yang telah menerima dan menerapkan beberapa aspek budaya melayu ke dalam kehidupan cara mereka disamping itu mereka juga menerapkan beberapa unsur kecinaan dalam kehidupan harian mereka. Malah Freedman (1969,48) berpendapat bahawa kaum Baba lebih bersifat kecinaan berbanding dengan orang cina jati.

Keadaan demikian juga, memungkinkan unsur kebabaan itu telah mengalami proses kecairan dan telah bergerak kembali ke pangkuan budaya cina. Sejarah Baba Nyonya sendiri memperlihatkan bahawa mereka adalah kaum yang sentiasa memikirkan mengenai budaya mereka. Kaum imigran sering kali bersifat pragmatik untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Salah satu sifat pragmatic ialah bersedia mengadaptasikan diri mereka dengan persekitaran baru baik persekitaran lama. Ketika terpaksa berhijrah sendirian mereka memilih pasangan tempatan. Hidup dalam lingkungan masyarakat melayu, mereka menjadi melayu.

Bahasa inggeris juga menjadi salah satu bahasa masyarakat Baba Nyonya. Kaum Baba tidak keberatan dalam mempelajari bahasa inggeris dan memahami bahasa tersebut. Akhirnya, pendidikan bahasa inggeris telah menjadi satu ciri kebabaan. Ciri tersebut diserapkan adalah bertujuan untuk menjadikan masyarakat Baba menjadi jaguh dan golongan cina. Hal ini demikian kerana, masyarakat cina adalah masyarakat yang kurang mengangkat martabatkan bahasa lain selain daripada bahasa ibunda mereka sendiri.

Berikutan dengan perubahan yang berlaku itu boleh dikatakan kesemua ciri-ciri budaya Baba Nyonya seperti bahasa, kesusasteraan, kesenian dan beberapa tabiat 'halus' tidak begitu berguna lagi. Untuk mereka menjadi melayu itu tidak mungkin kerana bukannya masyarakat yang memeluk islam dan mereka mempunyai pegangan agama tersendiri. Untuk mereka menjadi orang islam agak rumit jika tidak berkemahuan oleh itu mereka hanya membina jati diri sebagai pegangan.

Akhirnya, sesiapa yang mengunjungi Terengganu tidak lagi menemui Baba Nyonya yang lama dan mereka hanya mengetahui melalui penceritaan dan pengalaman masyarakat Baba Nyonya yang sedia ada. Sudah sedia maklum, masyarakat Baba Nyonya yang sekarang kurang mengamalkan tradisi masyarakat Baba Nyonya dan kemungkinan mereka pun sudah mengamalkan amalan sama seperti masyarakat sekitar. Ini juga memberi kesan kepada orang lain untuk melihat adab perkahwinan masyarakat cina peranakan (Baba Nyonya) di hadapan mata dan melihat dengan sendiri keunikan perkahwinan masyarakat cina peranakan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi penyelidikan merupakan salah satu kaedah dan teknik merekabentuk , mengumpul dan menganalisis data bagi mendapatkan bukti yang akan menyokong sesuatu kajian yang telah dijalankan. Metodologi ini akan menerangkan sesuatu masalah yang dikaji, serta kaedah yang digunakan. Tujuannya adalah membantu memahami pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Sesuatu kajian yang dibuat telah menjadi lebih efektif jika metodologi kajian dirangkan melibatkan pemilihan rekabentuk. Kaedah pengumpulan data. Kaedah persampelan, instrument kajian, kajian pertukaran pembolehubah dan analisis. Dalam kajian ini, kami menggunakan kaedah borang soal selidik dalam mengumpulkan data. Oleh itu, metodologi kajian ini adalah bertujuan mendapatkan data-data dan maklumat secara terus daripada responden melalui borang soal selidik.

3.1 Reka Bentuk Kajian


Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang mana ia memperlihatkan secara terperinci dan jelas mengenai sesuatu kajian itu dijalankan (sabitha,2006). Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidikan dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif yang mana kaedah ini adalah bertujuan untuk mengkaji serta menerangkan mengenai sesuatu perkara yang sedang berlaku. Reka bentuk kajian ini juga dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih teratur dan sistematik. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif bagi menyelesaikan persoalan dan objektif kajian.

3.1.0 Kajian Kaedah Kualitatif

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerjakerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif.

3.1.1 Kajian Kes

Menurut Yin (2003) suatu bentuk kes kajian diperlukan untuk mendapatkan keterangan serta kefahaman secara holistic terhadap kefahaman masyarakat tentang adat budaya masyarakat lain. Kaedah memerlukan kefahaman dan fokus dalam menjalankan kajian kes ini. Dengan menggunakan kaedah ini ia akan memberi gambaran yang jelas dan terperinci bagaimana responden berinteraksi dengan kehidupan mereka (Patton, 1990).



Rajah 3.1.0: Kerangka Kajian

3.2. Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi kajian dibuat berdasarkan keperluan dalam menjalankan kajian berkaitan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Menurut Othman (2013) menyatakan di dalam persoalan kajian telah menyatakan mengenai kawasan kajian secara spesifik. Daerah Pulau duyong adalah salah satu perkampungan yang berkeluasan 62.0 hektar, luasnya hanya 3.9 hektar sahaja. Pulau Duyong terletak di muara sungai Terengganu. Deretan pulau-pulau kecil sepanjang 1.7 kilometer mengajur masuk dari muara ke dada sungai yang terbentang luas.



Rajah 3.2 .0 : Peta Daerah Pulau Duyong

Sumber :

https://lh3.googleusercontent.com/1klThg9ndFr7M7d8zmpgi8fGDf1fHWxAdBaAHQSYCi2yp_0uV_K5QyAWt0uUX_qB2qLE=s85

3.3 Instrumen Kajian

Instrument kajian merupakan salah satu cara untuk mengumpulkan pengumpulan data-data daripada responden mengenai kajian yang dikaji. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik yang telah dikemukakan akan diedarkan kepada responden. Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan satu kaedah yang mudah dan mampu memberi maklumat yang diperlukan. Menurut Ahmad Madzah Ayob (2002), penggunaan borang soal selidik yang jelas menyatakan tujuan dan kehendak setiap soalan serta mudah difahami oleh responden. Penggunaan borang selidik dapat memudahkan responden memberi maklum balas yang diinginkan.

3.3.0 Temu Bual

Temu bual atau yang dikenali dengan istilah 'interview' adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih. Metodologi ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Definisi yang hampir sama disampaikan oleh Sabitha Marican, iaitu satu situasi di mana penemu bual akan bertanya soalan pada seseorang atau lebih responden secara bersemuka. Temu bual ini adalah pelbagai jenis iaitu temu bual formal dan tidak formal.

3.3.1 Borang Soal Selidik

Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang sangat terkenal digunakan dalam kalangan penyelidik kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Melalui soal selidik maklumat hubungan dengan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang.

Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama mengenai latar belakang mengenai responden dan antara soalan ialah berkenan jantina, umur dan pengetahuan mengenai adat perkahwinan Cina peranakan. Menurut Syed Arabi (1998:135) menyatakan jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana dia hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan.

3.3.2 Kamera

Penggunaan kamera dalam aktiviti kajian ini adalah bertujuan untuk mengambil dan menangkap gambar. Hal ini untuk dijadikan sebagai bahan bukti utama kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, tujuan penggunaannya juga bertujuan untuk mengumpul segala maklumat secara lebih terperinci dan segala barangan dokumentasi dapat disimpan di dalam jangka masa yang panjang dan lama.

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Creswell (2005), teknik pensampelan secara rawak serta berkadar adalah teknik yang digunakan kerana populasi yang tidak menunjukkan ketidakseimbangan dalam ciri-ciri yang digunakan bagi sesuatu sampel. Pendapat ini telah disokong oleh Sekran (1992), yang menyatakan reka bentuk persampelan rawak berstrata berkemungkinan adalah paling cekap dan dengan bilangan sampel yang sama paling banyak akan memberi maklumat dengan lebih terperinci.

Selain itu, Fraenkel dan wallen (1975) dan sekaran (1992) menyatakan saiz minimum bagi sesuatu ujian infrensi adalah 30 orang. Namun Hair et al (2006,2010) menyatakan sampel minimum bagi satu kumpulan untuk sesuatu analisis multivariate memadai 20 orang dan chua (2009) pula menyatakan memadai 15 orang untuk sesuatu kumpulan. Menurut mereka lagi, apa yang lebih penting ialah ujian stastik menunjukkan dapatan adalah bertaburan normal.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Secara asasnya, terdapat empat kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temubual, internet, jurnal dan kajian keperpustakaan. Setiap kaedah pengumpulan data ini berbeza-beza setiap satu daripadanya. Menurut Abdul Rashid Moten, walau apa pun metodologi yang digunakan seorang penyelidik perlu mematuhi dan mengikut prosedur-prosedur tertentu supaya data yang diperolehi dengan cara tersebut dapat membantu menghasilkan kajian yang valid, relevan dan bernilai sesuai dengan sifat bidang kajian.

3.5.0 Data Skunder

Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder ialah data yang telah dikumpulkan melalui email kepada responden. Pada awalnya ia dikumpul untuk tujuan lain tetapi sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh pengkaji pada masa kini. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpulkan oleh individu atau penyelidik lain bukannya penyelidik yang sedang melakukan kajian itu namun ia dijadikan sebagai satu bahan rujukan kepada pengkaji yang lain.

3.5.1 Internet

Kaedah internet adalah kaedah yang terakhir digunakan oleh pengkaji. Pengkaji akan melayari internet bagi membantu dalam menyempurnakan kerja kursus ini. Oleh itu, pengkaji telah melayari laman sesawang berkaitan dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji bagi membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian yang dipilih.

3.5.2 Kajian Perpustakaan

Kajian keperustakaan melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti laporan-laporan, risalah-risalah atau majalah, surat khabar dan lain-lain bentuk penulisan dan penerbitan dari pihak-pihak tertentu. Justeru itu, dalam kajian ini kajian keperustakaan amat diperlukan untuk menyediakan pengenalan kepada kajian dan landasan teori dalam bab satu dan bab dua. Ia juga digunakan untuk menyokong dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian lapangan.

Daripada kajian keperustakaan juga kajian dan penelitian ke atas karya-karya berkaitan dapat dilakukan. Pengetahuan yang didapati daripada karya-karya berkaitan membolehkan penyelidik menerangkan dan menjelaskan latar belakang sesuatu masalah serta mengenal pasti sejauh mana karya-karya penyelidik boleh mempelajari kaedah dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah di samping dapat mengelakkan pengulangan kajian lepas yang tidak dapat dikehendaki.

3.6 Data primer

Bil	Objektif Kajian	Metodologi
1	Mengkaji cara untuk melestarikan adab perkahwinan masyarakat cina peranakan di kampung Pulau duyong, Terengganu.	<p style="text-align: center;">Temu bual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menemu bual Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina, Terengganu. <p style="text-align: center;">Kajian Teks</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buku yang ditulis oleh Rosita Abdullah yang bertajuk ‘Waterfront Heirlooms: Reflections of the Kampung China Peranakan’. • Buku karya Ibrahim Lew yang bertajuk ‘Kehidupan Masyarakat Baba Nyonya’. • Buku yang ditulis oleh ‘Rosita Abdullah & Ahmad Ilham’ bertajuk ‘Sejarah Masyarakat Baba Nyonya’.
2	Mengetahui cara masyarakat cina peranakan di kampung Pulau duyong Terengganu dalam mengekalkan adab perkahwinan mereka	<p style="text-align: center;">Temu bual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menemu bual Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Terengganu seramai 5 orang.
3	Mengenalpasti sejarah dan perkembangan adab perkahwinan cina peranakan di kampung Pulau duyong, Terengganu	<p style="text-align: center;">Temu Bual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menemu bual masyarakat sekitar dalam penduduk yang menetap di sekitar Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

3.7 Rumusan

Kajian mengenai kelestarian adat perkahwinan masyarakat cina peranakan di Pulau Duyong, Terengganu ini sudah semakin pupus dan kurang diketahui oleh masyarakat umum. Oleh itu kajian lapangan ini dilakukan bagi mengetahui secara jelas mengenai adat perkahwinan masyarakat cina peranakan yang masih mengamalkan adat perkahwinan masyarakat cina peranakan. Walaupun, kuantiti masyarakatnya semakin berkurangan kemungkinan masih ada beberapa golongan keluarga yang masih mengamalkan amalan dan adat perkahwinan tersebut. Kajian metodologi yang akan dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Secara telusnya, di dalam bab 3 ini, pengkaji menerangkan mengenai bahan-bahan kajian metodologi yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan mengenai hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Bahagian ini akan memberi tumpuan terhadap huraian yang akan dibuat oleh pengkaji secara terperinci mengenai dapatan kajian yang dilaksanakan. Lantaran itu, terdapat beberapa data yang telah berjaya dikumpulkan antaranya melalui pemerhatian dan temu bual. Pengkaji berjaya mengumpulkan sedikit sebanyak maklumat mengenai Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Pengkaji menemu-ramah beberapa orang masyarakat setempat cina peranakan yang mengetahui serba sedikit mengenai maklumat adat perkahwinan cina peranakan ini terutama sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan dijalankan. Namun begitu, terdapat juga beberapa isu perkara yang dibangkitkan mengenai adat perkahwinan cina peranakan ini antaranya, adat perkahwinan tersebut semakin berkurang yang mengamalkan kerana ia merupakan majlis rumit serta memakan kos perbelanjaan yang tinggi untuk keluarga dan pengantin tanggung. Justeru itu, tidak ramai masyarakat Baba Nyonya yang melangsungkan perkahwinan selama dua belas hari mengikut Adat tradisi masyarakat mereka.

Menurut Liu (2012), meskipun masyarakat Cina dipercayai telah berhijrah sejak Dinasti Han (206 BC-220AD) ke sebuah lokasi yang dikenali sebagai Semenanjung Malaysia, nama Terengganu hanyalah mula tertera dalam pelbagai rekod Cina purba sewaktu Dinasti Song (960 AD-1279 AD). Ini termasuklah Zhu Fan Zhii yang diterbitkan pada 1225AD yang telah menyebut Terengganu sebagai Deng ya nong (6) di Sanfoqi (E) (hari ini dikenali sebagai Srivijaya). Penemuan syiling tembaga dari Dinasti Song di Dungun dan di Kuala Terengganu juga menyokong hujah tentang hubungan Sino-Melayu yang telah wujud pada zaman tersebut (Cheng dalam Liu, 2012). Lebih dikenali lagi ialah rekod ekspedisi yang telah ditulis oleh Zheng He (1371AD-1435AD), seorang hulubalang pada zaman Dinasti Ming (1368AD-1644AD) yang mana pelayaran beliau telah berhenti di Terengganu untuk menambah bekalan dalam perjalanan ke Melaka pada 1409AD.

Dalam peta pelayaran beliau, Terengganu disebut sebagai Ding jia xià tù (TF). Namun kewujudan masyarakat Cina di Terengganu tidak pula dinyatakan di dalam rekod purba Cina ini. Apapun adalah dipercayai bahawa apabila beliau meneruskan pelayaran, ramal daripada pelaut dan krew Zheng He kekal bersamanya dan akhirnya mendiami lokasi tersebut.

4.2 Analisis Dapatan Kajian 1 : Sejarah Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Cina Peranakan merupakan golongan masyarakat yang lebih dikenali dengan gelaran Baba Nyonya. Mereka adalah golongan cina peranakan yang berbeza dengan golongan cina. Banyak perbezaan antara kedua-dua golongan ini terutamanya daripada segi adat istiadat, adat perkahwinan, cara kehidupan dan panggilan. Golongan Baba

Nyonya ini terhasil daripada perkahwinan antara masyarakat melayu dan cina. Dalam erti kata lain, masyarakat Cina Peranakan ini atau Baba Nyonya adalah sekumpulan masyarakat yang mempunyai identiti yang unik daripada segi adat perkahwinan mereka. Aturcara perkahwinan mereka berbeza daripada golongan masyarakat cina. Hal ini dinyatakan demikian kerana, masyarakat cina peranakan ini akan melansungkan perkahwinan selama dua belas hari berturut-turut serta mempunyai cara tersendiri dalam melaksanakan majlis perkahwinan. Setiap makanan atau pakaian di majlis perkahwinan juga akan membezakan antara golongan muda dan golongan tua serta golongan yang sudah berkahwin atau belum.

Kaum Cina Peranakan di Kuala Terengganu merupakan sebuah komuniti yang rapat. Oleh itu, perkahwinan dalam puak atau dengan kerabat adalah perkara biasa untuk memelihara kekayaan keluarga. Perkahwinan antara hubungan kekeluargaan yang rapat seperti sepupu, selagi mereka mempunyai nama keluarga yang berbeza, oleh itu bukanlah sesuatu yang luar biasa. Jika pasangan yang sesuai tidak dapat ditemui dalam keluarga, mereka lebih suka mempunyai anak perempuan mereka.

4.2.1 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan

Cina Peranakan atau dikenali dengan gelaran Baba Nyonya ini adalah merupakan golongan Melayu dan Cina yang telah berkahwin dan menghasilkan kaum sendiri yang dikenali dengan panggilan Baba Nyonya. Masyarakat ini terhasil pada abad 20-an lagi iaitu pada zaman tanah melayu dijajah. Masyarakat cina yang telah datang berdagang di Tanah Melayu pada masa itu akan menetap di Tanah Melayu dalam jangka masa yang lama. Lantaran itu, mereka berkahwin dengan masyarakat setempat sehingga

terhasil golongan Baba Nyonya. Golongan Baba Nyonya ini menyatakan mereka bukanlah masyarakat cina dan menyatakan mereka berbeza dengan masyarakat cina dalam pelbagai pelbagai aspek terutama dari segi aturcara kehidupan, adat perkahwinan dan cara pergaulan kehidupan mereka seharian.

Selanjutnya, kenapa masyarakat Baba Nyonya menentang pernyataan yang menyatakan adalah sebahagian daripada golongan masyarakat cina adalah kerana dari segi kepercayaan masyarakat cina mengenai perkahwinan campur iaitu perkahwinan antara masyarakat cina dengan orang asing bukan daripada keturunan cina dianggap boleh mencemarkan ketulenan ras dan seterusnya membawa kehinaan kepada agama masyarakat cina. Oleh hal demikian, masyarakat cina yang telah berkahwin dengan orang asing iaitu bukan daripada golongan cina mereka akan mengelarkan mereka adalah golongan masyarakat lain dan tidak sama dengan golongan cina dan mereka menubuhkan keturunan mereka sendiri yang lebih dikenali dengan golongan Baba Nyonya.

Selain itu, Baba Nyonya ini juga mempunyai identiti masyarakat tersendiri iaitu daripada bahasa dalam komunikasi serta mempunyai identiti komuniti tersendiri. Seperti yang dapat dilihat, penggunaan bahasa harian masyarakat Baba Nyonya adalah sangat berbeza dengan masyarakat cina serta daripada segi adat perkahwinan jua berbeza walaupun mempunyai sedikit persamaan dari segi adat upacara tuang teh, hiasan bilik pengantin dan pakaian pengantin yang seakan dengan baju pengantin masyarakat cina.

Selain daripada itu, masyarakat Baba Nyonya ini merupakan salah satu kumpulan yang mempunyai bahasa komunikasi mereka tersendiri. Mereka banyak menggunakan bahasa hokkien sebagai bahasa ibunda mereka. Namun begitu, mereka

lebih banyak bertutur dan bercakap dengan menggunakan bahasa inggeris. Hal ini jelas, kerana masyarakat Baba Nyonya adalah golongan masyarakat yang amat memetingkan peningkatan bahasa inggeris dalam kehidupan mereka.

Mereka membuat anggapan bahawa bahasa inggeris adalah salah satu bahasa yang penting untuk dipelajari oleh golongan masyarakat mereka. Oleh itu, pada zaman dahulu, bagi golongan Baba Nyonya yang berkemampuan mereka akan menghantar anak mereka belajar di sekolah inggeris bagi menguasai bahasa tersebut selepas bahasa ibunda mereka iaitu bahasa hokkien.

Begitu juga dengan pakaian yang dikenakan oleh golongan Baba Nyonya. Mereka mempunyai tradisi tersendiri yang menunjukkan itu merupakan pakaian rasmi masyarakat Baba Nyonya. Antara pakaian yang dikenakan ialah kebaya pendek yang bersulam dipakai bersama kain pario. Pakaian kebaya bersulam bunga ini adalah merupakan pakaian rasmi masyarakat Baba Nyonya. Untuk membezakan masyarakat Baba Nyonya dengan cina adalah daripada segi pakaian mereka. Ini kerana masyarakat Baba Nyonya ini lebih mengemari dalam memakai pakaian kebaya pendek bersulam bersama dengan kain batik dijahit sebagai pakaian harian serta pakaian rasmi mereka.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.1 Baju Kebaya Pendek Nyonya

Rujukan : Kajian Lapangan Pameran Rumah Cina Peranakan Terengganu



Rajah 4.2 Kain Kebaya Pendek


Rujukan : Kajian Lapangan

Namun begitu, terdapat satu keunikan masyarakat Baba Nyonya ini adalah mereka mempunyai bertingkat Baba Nyonya. Bekas bertingkat ini digunakan untuk meletakkan makanan dan dibawa kemana sahaja. Bekas makanan mereka mempunyai corak yang menunjukkan kepada lambang masyarakat Baba Nyonya. Itulah merupakan salah satu keunikan kepada golongan Baba Nyonya. Bekas bertingkat Baba Nyonya kebiasannya dijual di kedai kedai antik Baba Nyonya serta dapat dilihat di kedai makan yang dibuka oleh golongan Baba Nyonya tersebut.



Rajah 4.3 Bekas Makanan Kuning

Rujukan : Kajian Lapangan



Rajah 4.4 Bekas Makanan Hijau

Rujukan : Kajian Lapangan

Intihannya, masyarakat Baba Nyonya ini merupakan golongan masyarakat yang unik dalam pelbagai aspek terutama dalam adat perkahwinan mereka yang mana mereka melangsungkan perkahwinan selama dua belas hari berturut-turut. Ini dinyatakan demikian kerana, mereka menganggap dua belas hari adalah hari bertuah kerana menyambut orang baru di dalam keluarga mereka. Masyarakat Baba Nyonya ini juga mempunyai pelbagai keunikan terutama dalam pakaian tradisi untuk pengantin, keluarga serta saudara-mara. Mereka juga menghidangkan pelbagai jenis kuih-muih atau dikenali dengan manisan mulut kepada tetamu. Manisan mulut ini akan dihidangkan di dalam majlis perkahwinan untuk dihidangkan kepada tetamu yang hadir. Namun majlis perkahwinan mereka kebanyakan dihadiri oleh kaum kerabat mereka sahaja.



Rajah 4.5 Jenis Makanan Masyarakat Cina Peranakan

Rujukan : Kajian Lapangan Pameran Rumah Cina Peranakan Terengganu

4.2.2 Cara Masyarakat Cina Peranakan berkembang

Masyarakat cina peranakan ini berkembang daripada hasil perkahwinan masyarakat cina dengan golongan melayu. Mereka berkahwin dan dikenali dengan golongan Baba Nyonya. Menurut pernyataan daripada buku ‘ Baba Nyonya Culture, 2015’ menyatakan masyarakat Baba Nyonya ini berkembang dengan tersendiri dan mereka mempunyai pelbagai keunikan yang menjadikan masyarakat mereka menarik dan menjadi tumpuan masyarakat tempatan dan luar. Menurut buku tersebut juga ada menyatakan masyarakat Baba Nyonya ini mampu hidup di dalam golongan masyarakat lain serta mampu mengekalkan adat-adat yang masyarakat Baba Nyonya itu tersendiri. Antaranya ialah dari segi masakan yang diketegahkan serta diperkenalkan oleh masyarakat Nyonya antaranya ialah Mee Kari. Mee Kari merupakan antara salah satu makanan yang terkenal dihasilkan oleh golongan Nyonya. Mee Kari sudah menjadi sinonim untuk masyarakat Baba Nyonya sehingga dikenali dengan masakan Mee Kari Baba Nyonya dalam masyarakat setempat.



Rajah 4.6 Mee Kari

Rujukan : Kajian Lapangan

Selanjutnya, golongan Baba Nyonya ini juga semakin berkembang kerana keunikan mereka dalam adat perkahwinan. Masyarakat Baba Nyonya ini telah melansungkan perkahwinan selama dua belas hari berturut-turut daripada sesi perkenalan, perkahwinan dan majlis sambut menantu belah lelaki. Perkahwinan masyarakat Baba Nyonya juga boleh dikategorikan sebagai salah satu perkahwinan yang unik. Ini kerana, semasa majlis perkahwinan ini dilangsungkan ia memerlukan jangka masa yang lama untuk setiap satu majlis perkahwinan. Namun begitu, adat perkahwinan cina peranakan lebih kurang sama dengan adat perkahwinan cina daripada segi upacara minum teh, menghiasa bilik pengantin dan menghidangkan manisan untuk tetamu selama dua belas hari sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan dilangsungkan.

4.2.3 Masyarakat Cina Peranakan Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Masyarakat Baba Nyonya atau Cina peranakan ini telah berkembang dan menetap di Terengganu iaitu di perkampungan Pulau Duyong. Masyarakat Baba Nyonya ini telah menetap di Terengganu melebihi satu abad. Masyarakat Baba Nyonya ini telah diterima oleh golongan kaum masyarakat lain yang juga menetap di kawasan sekitar. Masyarakat Baba Nyonya mampu membuka perniagaan kedai makan Baba Nyonya. Ini kerana, mereka adalah antara golongan yang menarik perhatian pelancongan daripada luar. Ramai pengunjung atau pelancong daripada luar yang datang ke Terengganu akan menikmati makanan masyarakat Baba Nyonya. Menurut mereka, makanan Baba Nyonya adalah antara makanan yang unik kerana mempunyai pelbagai rasa dan bentuk yang berbeza antara masakan yang terkenal ialah Mee Kari.



Rajah 4.7 Perkampungan Cina Peranakan di Pulau Duyong

Rujukan : Kajian Lapangan



Rajah 4.8 Jenis Makanan Cina Peranakan

Rujukan : Kajian Lapangan

Lantaran itu, masyarakat Baba Nyonya di Kampung Pulau Duyong, Terengganu sudah mengalami kepupusan masyarakat. Pengkaji telah bertemu ramah dengan seorang penduduk Baba Nyonya yang bernama 'Chan Kim' sekarang sudah ramai golongan muda Baba Nyonya yang sudah berhijrah ke luar negeri dan tidak menetap di Terengganu. Sekarang sudah tidak ramai yang masih mengikuti adat-adat Baba Nyonya dan mereka lebih mengemari untuk hidup dalam kehidupan moden mengikut edaran zaman. Oleh itu, susah untuk menemui golongan muda Baba Nyonya sekarang yang tinggal hanyalah golongan warga tua yang masih menetap dan tinggal di sini.

Menurut beliau, sekarang sudah tidak ada lagi adat perkahwinan cina peranakan seperti dahulu ini kerana faktor ekonomi dan memakan kos yang tinggi. Oleh hal demikian, ramai golongan muda yang sudah berkahwin mengikut ekoran zaman sekarang. Namun begitu, ramai golongan muda yang berkahwin dengan pilihan masing-masing dan tidak ada lagi pemilihan pasangan melalui keluarga kecuali jika keluarga tersebut mempunyai pegangan adat yang sangat kuat dalam keluarganya.

4.2.4 Dialek yang digunakan oleh Masyarakat Cina Peranakan

Loghat atau dialek merupakan ragam atau variasi daripada satu bahasa yang sama yang dapat dibezakan melalui ciri-ciri sebutan, kosa kata dan tatabahasa. Loghat berkembang daripada bahasa yang pada asalnya seragam tetapi lama-kelamaan mengalami perubahan. Perubahan ini telah berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya faktor masa dan geografi (Newton, 1972).

Dialek yang digunakan oleh golongan Baba Nyonya ialah penggunaan bahasa Hokkien. Bahasa Hokkien asalnya daripada bahasa cina tetapi telah diubah kepada dialek dan bunyi kepada bahasa Baba Nyonya. Dialek yang digunakan oleh golongan kaum Baba Nyonya ini mempunyai slang dan bunyi tersendiri dan sedikit berbeza daripada slang cina atau melayu. Kekadang dialek yang digunakan oleh kaum Baba Nyonya ini juga sedikit pelik dan berbeza kerana keunikan bunyi slang yang mereka cipta. Daripada segi percakapan dan slang golongan Baba Nyonya ini kita akan dapat mengetahui bahawa ia adalah golongan Baba Nyonya dan bukan cina walaupun muka mereka seakan-akan sama walaupun mempunyai kacukan melayu-cina.

Hokkien ialah lingua franca (bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi) masyarakat Cina Peranakan Terengganu. Melalui beberapa generasi asimilasi dan akulturasi, Peranakan Cina Terengganu mengembangkan pertuturan, intonasi dan bahasa mereka yang tersendiri. Tidak seperti orang Hokkien tulen, versi mereka akan dibumbui dengan perkataan Melayu, salah sebutan atau sebaliknya. Gabungan Cina Hokkien dan Melayu, atau pidgin Malay-Hokkien patois, berkembang menjadi bahasa yang dikenali masyarakat sebagai, uniknya, Kuala Terengganu Peranakan.

Berbeza dengan Peranakan Melaka, Singapura dan Indonesia. kaum Cina Peranakan Terengganu tidak mengamalkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan di rumah. Walaupun bahasa Melayu kadangkala dituturkan sesama mereka, ia digunakan terutamanya sebagai bahasa perhubungan dengan masyarakat Melayu tempatan. Sekaligus diiktiraf oleh rakan-rakan Cina Peranakan Terengganu, patut diberi perhatian untuk merekodkan bahawa loghat asli dan kata-kata bahasa sehari-hari yang digunakan di kalangan mereka telah menyatakan perbezaan daripada bahasa Cina Peranakan dari bahagian lain di Malaysia.

Memandangkan bahasa berkembang daripada perkataan yang dituturkan daripada perkataan bertulis, tiada ejaan standard sama ada, dan sebahagian besarnya berdasarkan sebutannya. Sebagai contoh - kuih yang bermaksud "kuih-muih" dalam bahasa Melayu juga dieja sebagai "kuay", yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah menjadi versi tetap.


Orang Melayu di pihak mereka juga telah menyesuaikan kata-kata untuk merujuk kepada sesiapa sahaja - Mek, Mok Mek, Awang dan Pok Awang yang dianggap oleh sesetengah orang Cina menyinggung perasaan walaupun ia tidak bertujuan sedemikian. Orang Melayu mungkin pernah mendengar orang Cina Peranakan memanggil anak perempuan kesayangan mereka dengan nama mesra Mek atau Mek Kia, dan anak lelakinya, Wang Kia atau Wok dan telah melekat pada bunyi itu, bagaimanapun, dengan berlakunya beberapa sebutan yang salah. Menurut Encik Tee Sing Mor.

Namun begitu, masyarakat Baba Nyonya ini walaupun mereka mempunyai slang dan bahasa tersendiri tetapi mereka melebihi mengutamakan bahasa inggeris sebagai bahasa penting dan menjadi keutamaan daripada bahasa yang lain. Ini kerana, menurut mereka bahasa inggeris merupakan salah satu bahasa yang penting dalam komunikasi antara orang lain dan menjadi tunjuk utama bahasa komunikasi pada masa kini. Selanjutnya, golongan Baba Nyonya ini juga pandai berkomunikasi di dalam bahasa mandarin namun tidak semahir dalam berkomunikasi di dalam bahasa inggeris.

Menurut pernyataan 'Fishman 1991' menyatakan peralihan bahasa ini kemungkinan akan berlaku disebabkan peralihan masa. Oleh hal demikian, masyarakat Baba Nyonya yang golongan muda sekarang lebih fasih dalam bertutur dalam bahasa inggeris berbanding bahasa ibunda mereka sendiri dengan bahasa mandarin. Selain itu, mereka juga mudah terpengaruh dengan bahasa tutur masyarakat setempat atau slang yang digunakan oleh masyarakat setempat yang berdekatan mereka. Sebagai contoh, golongan Baba Nyonya yang telah menetap di Kampung Pulau Duyong, Terengganu sudah semakin ramai yang sudah pandai bertutur dalam slang Terengganu.

Tuntasnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlaku beberapa kemerosatan terhadap bahasa ibunda Baba Nyonya iaitu bahasa hokkien. Kenapa berlaku kemerosatan terhadap bahasa ibunda mereka adalah disebabkan oleh faktor kekurangan komunikasi antara masyarakat cina peranakan dalam masyarakat dan kurang mengetelaah bahasa ibunda mereka kepada keturunan mereka. Ini kerana, mereka lebih mengemari mengajar anak-anak mereka untuk menguasai bahasa inggeris berbanding menguasai bahasa ibunda mereka sendiri.

4.3 Analisis Dapatan Kajian 2 : Mengetahui Keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan Di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Rajah 4.9 Puan Cheng Ah

Rujukan : Kajian Lapangan

Masyarakat Cina Peranakan ini mempunyai pelbagai keunikan yang mereka kita boleh ketegahkan namun ingin diketegahkan adalah mengenai keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Kenapa memilih Kampung Pulau Duyong Terengganu?, kerana di sana terdapat sekelompok masyarakat Cina Peranakan yang masih menetap di sana dan mempunyai banyak pengetahuan mengenai Adat Perkahwinan Cina Peranakan. Oleh hal demikian, pengkaji akan mengetegahkan mengenai keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Selain itu, terdapat beberapa keunikan mengenai adat perkahwinan masyarakat Cina Peranakan antaranya ialah terdapat beberapa perkara yang perlu dilalui sebelum majlis perkahwinan dilaksanakan. Menurut kepercayaan masyarakat Cina Peranakan ialah jika anak perempuan yang sudah mencapai umur baligh haruslah dinikahkan sebelum digelar sebagai anak dara tua. Oleh hal demikian, keluarga perempuan akan memperkenalkan anak gadis mereka kepada orang tengah. Orang tengah ini yang akan memperkenalkan gadis kepada keluarga lelaki untuk dikahwinkan. Anak gadis yang akan dikahwinkan haruslah pandai dalam menjalankan aktiviti dapur seperti memasak, pandai menguruskan rumah serta pandai bertenun menggunakan jarum.

Jika gadis tersebut mempunyai ciri yang lengkap untuk berkahwin maka keluarga akan jodohkan anak gadis mereka kepada kaum keluarga lelaki untuk dikahwinkan bagi mengelakkan anak gadis mereka menjadi anak dara tua dan tidak laku untuk dikahwinkan. Oleh hal demikian, masyarakat Cina Peranakan sangat menitik beratkan mengenai perkahwinan anak gadis mereka bagi mengelakkan keluarga mendapat malu atas asbab anak gadis mereka mendapat gelaran sebagai anak dara tua akibat tidak berkahwin pada usia muda.

4.3.1 Mengetahui Keunikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan

Terdapat beberapa keunikan yang menjadi tarikan kepada pelancong mengenai Adat Perkahwinan Cina Peranakan antaranya ialah maksud kepada dua belas hari berlangsungnya majlis ,makanan atau manisan yang dihidangkan , pakaian yang dipakai semasa majlis perkahwinan dilaksanakan serta beberapa perkara mengenai keunikan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Setiap perkahwinan mempunyai keunikannya tersendiri mengikut tradisi setiap kaum masyarakat. Namun masyarakat Baba Nyonya ini juga mempunyai keunikannya tersendiri terutama dalam hal-hal perkahwinan.



Rajah 5.0 Kebaya Pendek Nyonya

Rujukan : Kajian Lapangan Pameran Rumah Cina Peranakan Terengganu

4.3.2 Keunikan Sebelum Majlis Perkahwinan Dilaksanakan

Tniah Hoon - Pertunangan. Sejak zaman nenek moyang mereka, perkahwinan orang Cina Peranakan Terengganu telah diatur oleh ibu bapa kedua-dua keluarga itu yang mengharapkan anak-anak mereka disatukan sebagai suami isteri. Seorang pencari jodoh akan dilantik untuk mendekati keluarga pengantin perempuan dengan cadangan perkahwinan. Sebaik sahaja kedua-dua keluarga bersetuju dengan kesatuan itu, tarikh, masa lahir dan tanda-tanda zodiak Cina calon pasangan akan ditulis pada sekeping kertas merah dan dihantar kepada pakar almanak, yang kemudiannya akan menilai keserasian mereka.

Jika mereka dianggap tidak serasi, ibu bapa akan segera membatalkan perjanjian mereka. Sekiranya bintang mereka dipadankan dengan baik, sepasang cincin akan dihantar oleh keluarga pengantin lelaki kepada keluarga pengantin perempuan untuk mengikat pertunangan. Cincin-cincin itu akan dipersembahkan di atas dulang yang ditutup dengan sehelai kain merah dan diletakkan di atas mazbah nenek moyang untuk diberkati di rumah bakal pengantin perempuan.

Selepas pertunangan, tarikh perkahwinan dan urusan hidup akan dimuktamadkan, selepas itu setiap keluarga akan menjemput tetamu mereka ke bang perkahwinan dengan menghantar sepasang lilin merah. Ritual tiga hari pertama perkahwinan adalah yang paling penting daripada keseluruhan dua belas hari perayaan.

Perkahwinan sekarang kepentingan ini saya) mereka memanggil Chniaw Thau sebelum hari perkahwinan sebenar rumah tive ayah saya memberitahu saya apabila saya r kerajaan Manchu untuk lebih pewaris hari perkahwinan bertuah. tanah mereka dan melihat ke atas pada upacara Thau berlaku. patuhi upacara perkahwinan ini Peraturan Manchu.

Dua hari sebelum majlis perkahwinan, yang juga dikenali sebagai hari pertama perayaan perkahwinan, tetamu akan dijemput untuk meraikan majlis tersebut dan bergembira di rumah pengantin perempuan. Kaum wanita akan berkumpul di dapur untuk memasak makan tengah hari untuk tetamu di bawah arahan ketua tukang masak, manakala mereka yang tidak memasak akan mengambil bahagian dalam membuat riang dan puak kiau (bermain kad), duduk di atas tikar mengkuang yang diletakkan di atas lantai. Ia juga merupakan majlis yang menggembirakan untuk kanak-kanak kerana mereka berpeluang memakai pakaian yang cantik dan menghiasi barang kemas.

Hari kedua perayaan perkahwinan yang dikenali sebagai Cho Skoneng adalah pada malam Perkahwinan itu sendiri, mungkin dinamakan demikian sempena perkataan Melayu skoneng yang bermaksud "mengintip" (pada pengantin perempuan). Pada hari ini, lebih ramai orang akan dijemput dan sineo kuay (tepung bunga dalam bahasa Melayu), antara lain, akan dihidangkan untuk makan tengah hari ini.

"Hari-hari menjelang perkahwinan adalah hari-hari yang sibuk untuk rumah tangga. Pinggan, mangkuk dan gelas terpaksa dibawa keluar dari simpanan untuk dicuci. Rumah perlu dirapikan dan dihias. Bahan-bahan untuk kenduri perlu disediakan. Keluarga ahli mengalu-alukan rakan dan saudara mara dari dekat dan jauh untuk meraikan serta membantu. Sebagai sebahagian daripada ikatan komuniti, permainan kad telah dimainkan. Mereka yang tidak dapat bermain permainan kad seperti puak cheong (juga dikenali sebagai chek ki) akan membantu di dalam dapur.

Memandangkan banyak pemotongan daging diperlukan untuk bakwan tng, hidangan perkahwinan, adalah sesuatu yang luar biasa untuk melihat tetamu wanita diikat untuk tugas memotong walaupun berpakaian pakaian formal mereka. Bunyi berirama yang berterusan mencincang dan menumbuk bergema seperti panggilan clarion kepada

jiranjiran yang memberitahu mereka tentang jamuan yang akan datang." - Wee Kwee Siew ld di rumah pengantin lelaki. rumahnya pada pukul 7 malam. Sebelum mui teng (ambang, kacau dengan kaki kanan saya.

Saya akan diterima dan d untuk melangkah ke atas bara api uld mendengar suara saya ia mui khui tua tua, saya alu-alukan anak perempuan saya di atas bangku yang diletakkan. Selanjutnya, jika pihak lelaki sudah menyatakan persetujuan untuk berkahwin dengan gadis yang dikenangkan maka pihak lelaki akan menghantar barangan untuk menyatakan persetujuan atas pilihan tersebut. Oleh itu, pihak perempuan akan menyimpan barangan yang diberikan oleh pihak lelaki sebagai tanda setuju untuk memilih lelaki tersebut sebagai suami nya.

Sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan, pihak perempuan hanya dibenarkan berjumpa dengan lelaki beberapa kali sahaja bagi mengelakkan hilangnya seri bakal pengantin pada kedua-dua pengantin. Oleh itu, hal mengenai perkahwinan hanya dibincangkan oleh kaum kerabat keluarga kedua-dua pihak sahaja.

4.3.3 Keunikan Semasa Majlis Perkahwinan Dilaksanakan

Antara keunikan semasa majlis perkahwinan pengantin perlu melakukan beberapa tradisi adat perkahwinan cina peranakan antaranya ialah tradisi mandi. Tradisi mandi ini merupakan tradisi yang mana ia bertujuan untuk menaikkan seri wajah pengantin dan bagi meningkatkan aura semangat sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan. Tradisi mandi ini akan dilaksanakan oleh kaum kerabat yang sudah tua untuk mencurahkan air ke atas badan pengantin.

Selanjutnya, sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan, bilik pengantin akan dihiasi dengan cantik bagi meraikan pasangan sehari. Ia bertujuan untuk memberi aura kegembiraan kepada pengantin yang sudah penat seharian dalam majlis untuk bertenang dan berehat di dalam keadaan cantik. Bilik pengantin yang sudah dihiasi akan dipasang lilin selama 7 hari tanpa terpadam. Menurut kepercayaan masyarakat Cina peranakan ia bertujuan untuk menghalau roh jahat daripada mengacau hubungan pasangan baru iaitu pengantin.

Selanjutnya ialah Taek Kim - Majlis Mas kahwin. Upacara terakhir hari pertama perkahwinan ialah Taek Kim, yang secara harfiah bermaksud "memeterai dengan emas". Pada waktu petang, pengantin lelaki akan menjemput pengantin perempuannya ke rumahnya untuk memberi hormat kepada ibu bapa dan orang tua keluarganya. Pengantin baru akan berkooi pai terlebih dahulu kepada ibu bapa pengantin lelaki, kemudian kepada saudara tua sebelah bapa dan ibu pengantin lelaki mengikut kekananan mereka.

Ibu bapa pengantin lelaki akan menghadihkan barang kemas dan perhiasan emas kepada menantu perempuan mereka selepas upacara kooi pai. Selepas majlis Taek Kim di rumah pengantin lelaki, pengantin baru akan pulang ke kediaman pengantin perempuan. Kebiasaannya, pengantin lelaki akan bermalam di rumah ibu bapanya dan pulang ke rumah pengantin perempuannya pada waktu petang, setiap hari sehingga hari kedua belas.

Kepercayaan popular yang pernah diamalkan ialah mengantarkan ayam jantan dan ayam betina di bawah katil pengantin. Ini dilakukan untuk meramalkan jantina anak sulung pasangan itu. Jika ayam jantan muncul dahulu dari bawah katil, anak sulungnya ialah bayi lelaki. Begitu juga, jika ayam itu muncul dahulu, anak sulung akan menjadi bayi perempuan.

Cheh Tok - Duduk Di Meja Perkahwinan apabila tiba di rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan dibimbing ke bilik pengantin, dan bersama-sama pengantin perempuannya, akan pergi ke dewan perkahwinan untuk memberi penghormatan kepada Thnee Kong (Maharaja Jed Syurgawi) , moyang pengantin perempuan dan kooi pai kepada ibu bapa pengantin perempuan. Kooi pai dalam budaya Cina adalah tanda penghormatan yang mendalam kepada orang yang lebih tua, di mana pasangan akan berlutut di hadapan ibu bapa pengantin perempuan dengan tangan berpegangan.



Rajah 5.1 Meja Upacara Cheh Tok

Rujukan : Kajian Lapangan Pameran Rumah Cina Peranakan Terengganu

Sebuah meja untuk upacara cheh tok akan diletakkan di hadapan mazbah nenek moyang dan dewa. Pengantin lelaki akan duduk di sebelah kanan meja dan pengantin perempuan di sebelah kiri, bersama-sama dengan muka surat dan seorang gadis bunga (kia sai pua dan sin neo pua dalam bahasa Hokkien, masing-masing). Dua belas hidangan simbolik akan diletakkan di atas meja perkahwinan bersama dua lilin besar. Juruacara akan melafazkan keberkatan apabila setiap hidangan dipersembahkan kepada pengantin baru. Dua belas hidangan yang ditawarkan bukan untuk dimakan tetapi mewakili dua belas bulan dalam setahun, simbol bahawa pasangan itu akan mempunyai makanan sepanjang tahun. Ee putih dan merah akan dihidangkan hanya kepada pasangan pengantin, putih menandakan "kesucian" dan merah mewakili "kemakmuran".

Selanjutnya, pengantin perempuan yang sudah berkahwin akan dihantar oleh keluarga sehingga ke kereta sahaja dan sepenuhnya diserahkan kepada pihak lelaki. Ini merupakan tradisi masyarakat Cina kerana menurut mereka anak gadis yang sudah berkahwin telah menjadi tanggungan lelaki dan keluarga lelaki. Namun pengantin perempuan boleh pergi dan pulang ke keluarga bila-bila masa sahaja dengan keizinan suaminya. Ini adalah kerana perempuan yang dah berkahwin adalah hak milik suaminya.

Di dalam majlis perkahwinan masyarakat Baba Nyonya ini ia berlangsung selama dua belas hari dan di dalam masa majlis dilangsungkan ia memerlukan kos perbelanjaan yang besar terutama dalam bab makanan. Makanan yang dihidangkan kepada pengantin termasuk di dalam bab makanan berat sehingga ke pencuci mulut. Makanan yang dihidangkan semasa majlis perkahwinan kebanyakannya ialah makanan tradisi masyarakat Baba Nyonya terutama dalam manisan mulut.

Jamuan perkahwinan akan diadakan secara berasingan oleh keluarga pengantin pada tiga hari pertama perkahwinan. Selama tiga hari jamuan, tuan rumah akan menghidangkan masakan tradisional Peranakan Terengganu yang lazat seperti keh hong, ngoh hiang tiaw (lima rempah gulung daging), chim kuay, tu thau bak kabu, keh kutub (ayam dalam kuah pedas pekat), bakwan tng (sup bebola daging), chap chai lemak (sayur campur dalam santan), dan bak char belacan (daging babi digoreng dengan belacan), dan pencuci mulut yang popular seperti sae liu chee (biji pomegranate dalam sirap), dan lek tau kun pek thng (kacang hijau dalam sirap) dan kuay tiau kun pek thng (mi sagu dalam sirap).

Juruacara akan mengumumkan "Tohk chey hor ee mua, keh huay char eh kui sua", menjemput tetamu untuk "mengisi meja tanpa sebarang kekananan dan semoga mereka dikurniakan kejayaan dan kemakmuran".

Orang Cina Peranakan, seperti nenek moyang mereka, sangat mementingkan tradisi dan pantang larang, kata-kata dan nombor bertuah. Walaupun tiada siapa yang dapat mengingati kesemua dua belas hidangan itu, beberapa yang mungkin ialah chim kuay (kuih ketam kukus), bakwan (bola babi), tu thau bak kabu (kepala babi).

4.3.4 Keunikan Selepas Majlis Perkahwinan Dilaksanakan

Terdapat beberapa keunikan selepas majlis perkahwinan masyarakat Baba Nyonya antaranya ialah pengantin akan menghidangkan air teh kepada kedua-dua pihak keluarga bagi memohon restu atas perkahwinan yang dilangsungkan. Ini merupakan tradisi yang lama. Kedua-dua ibu bapa pengantin akan duduk di atas kerusi dan pengantin akan menghulurkan tea kepada keluarga sebagai tanda hormat atas restu terhadap perkahwinan tersebut.

"Teh manis untuk upacara phang teh terdiri daripada kurma merah Cina (ang cho), longan kering (geng-geng) dan sebiji kacang tanah (thor tau) yang direbus sedikit dan dibiarkan untuk diselitkan ke dalam teh berwarna merah yang cantik dan bertuah. daripada bahan-bahan ini mempunyai makna yang baik kerana sajak ini pergi:

Geng-geng lu gau keng' bermaksud Kamu pandai memilih pasangan yang betul.'
'Ang cho chiak liau eh ho ho hoe hoe' bermain pada homonim yang bermaksud "Makan kurma merah membawa keharmonian'. 'Thor tau eh chiak kau lau lau' bermaksud 'Makan kacang tanah (kerana subur) memberi anda umur panjang.'" - Teo Beng Jin (b.1958)

Selanjutnya, keluarga kedua-dua belah pihak akan menghulurkan duit atau hadiah duit sebagai tanda hadiah kepada pengantin baru. Ini merupakan tradisi mereka ia bertujuan untuk membantu pengantin baru dalam melangsungkan kehidupan selepas berkahwin. Oleh hal demikian, tetamu yang hadir akan membawa hadiah yang berguna untuk pengantin gunakan untuk dipakai semasa hidup secara beransingan dengan keluarga selepas berkahwin.

4.4 Analisis Dapatan Kajian 3 : Menenalpasti Cara Melestarikan Adat Perkahwinan Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong

Melestarikan ini adalah bertujuan untuk mengekalkan tradisi Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu. Ianya bertujuan supaya tradisi masyarakat Baba nyonya ini dapat diteruskan sehingga kini dan menjadi faktor atas sebab ia adalah salah satu warisan negara Malaysia. Jika adat perkahwinan Cina peranakan ini tidak dijaga dan dilestarikan supaya kekal tradisi tersebut agak merunsingkan kerana lambat laun kemungkinan adat ini akan semakin hilang dalam kalangan masyarakat baba nyonya. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh golongan orang muda masyarakat baba nyonya tidak mahu mengambil berat mengenai adat perkahwinan masyarakat tersebut.

Menurut Encik Lee yang, penolong komuniti masyarakat Cina peranakan berkata ' cara untuk melestarikan adat perkahwinan masyarakat kami ini memerlukan golongan orang muda kerana hanya golongan mereka sahaja yang mampu meneruskan tradisi masyarakat Cina peranakan ini namun mereka sudah mempunyai pengetahuan luas serta bekerja jauh. Selain itu, hal yang paling tegas dinyatakan ialah kos yang tinggi. Menurut beliau, perkahwinan ini memerlukan modal yang tinggi dan kebanyakannya sekarang golongan muda sudah tidak mahu memenatkan diri dengan mengadakan majlis sehingga 12hari berturut-turut.

Bagi pandangan Puan Guan Wei, penduduk kampung Pulau Duyong antara golongan masyarakat Cina peranakan berkata 'kenapa tidak membuat muzium mengenai cina peranakan di Muzium Terengganu. Sekurang-kurangnya masyarakat luar boleh mengetahui bahawa di Terengganu juga terdapat ramai masyarakat Cina peranakan yang tinggal. Kerana mereka kadang-kadang bertukar dengan golongan kami dengan masyarakat Cina. Oleh hal demikian, ini sedikit sebanyak dapat membantu melestarikan adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu.

4.4.1 Maksud Kelestarian

Kelestarian secara umumnya membawa maksud pengekaln sesuatu perkara atau keadaan. Ini bermakna, kelestarian ada kaitan dengan usaha dalam mengekalkan serta memelihara keaslian sesuatu adat. Antaranya ialah pemeliharaan adat perkahwinan Cina peranakan yang semakin lama semakin lupus.

Kelestarian ini jugak disesuaikan dengan keperluan dan tujuan pelbagai disiplin yang sedia ada. Oleh itu, makna sebenar kelestarian telah berubah yang membawa makna baik atau positif. Hal ini telah menimbulkan kesalah fahaman terhadap konsep tersebut dan keadaan itu boleh menjejaskan pemahaman dan seterusnya mempengaruhi tindakan untuk mencapainya.

Oleh itu, sama-samalah kita berusaha untuk menggerakkan perubahan terhadap sesuatu perkara terutama dalam mengenal adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

4.4.2 Cara Untuk Melestarikan Adat Perkahwinan

Corak kehidupan yang sentiasa sibuk dan mengejar masa sedikit sebanyak mempengaruhi budaya kehidupan masyarakat pada masa ini terutama dalam mengubah sikap dan pemikiran kepada lebih moden dan ringkas. Hakikatnya, tidak semua perkahwinan masyarakat Melayu serta masyarakat Cina hari ini benar-benar mengamalkan adat dan budaya perkahwinan lama hanya semata-mata generasi baru era kini lebih bersifat moden dan ringkas

Berdasarkan pendapat daripada responden kajian ini, didapati kehidupan dan pemikiran masyarakat kini sudah semakin maju dan seiring dengan kemodenan hidup pada masa kini. Mereka kini mengamalkan cara hidup yang lebih moden dan tidak mampu menyediakan tenaga serta masa yang lama untuk menguruskan upacara perkahwinan mengikut cara tradisional. Sebahagian responden juga berpendapat bahawa pakaian perkahwinan tradisi adalah pakaian yang ketinggalan zaman, mereka juga lebih cenderung untuk memilih perkahwinan cara moden berbanding perkahwinan

secara tradisional. Walau bagaimanapun, setiap responden berpendapat bahawa tradisi perlulah dikekalkan dan diwarisi ke generasi baru. Budaya dan adat perkahwinan tradisi semakin terhakis dan banyak dipengaruhi unsur luar yang banyak menekankan soal moden dan ringkas sehingga mempengaruhi golongan anak muda pada masa kini.

Selain itu, generasi muda menerima pendedahan yang kurang tentang adat perkahwinan tradisi kaum masing-masing. Mahu tak mahu, keadaan ini telah membentuk minda mereka bahawa mereka tidak perlu mengikut cara atau adat dalam upacara perkahwinan seperti pada zaman kuno kerana ianya adalah tidak penting. Akibat tidak ada sesiapa yang memberi tahu mereka tentang kepentingan mengekalkan adat-adat tersebut, golongan muda akan menganggap adat-adat tersebut sangat membazirkan masa, kolot dan juga remeh.

Pengaruh Barat dalam kehidupan masyarakat kita juga merupakan salah satu cabaran yang kritikal dalam pekekalan adat perkahwinan tradisional Melayu mahupun Cina. Pengaruh ini lebih kepada cara berfikir yang dianggap moden iaitu berfikiran terbuka. Pemikiran yang terbuka contohnya masyarakat sudah kurang mempercayai tentang perkara-perkara yang digelar pantang larang, petua dan lain-lain dan sesetengah orang menganggapnya sebagai karut. Impak akibat pengaruh ini boleh dilihat di majlis persandingan. Segelintir masyarakat kini lebih selesa memilih pakaian Barat kerana merasakan mengikut trend atau menganggap pakaian tradisional tidak praktikal untuk majlis persandingan tertentu. Tindakan itu menampakkan seolah-olah minda masyarakat generasi kini masih dijajah dan menganggap setiap yang datang daripada luar sesuai dengan budaya kita. Semakin lama semakin kurangnya masyarakat akan memilih pakaian tradisi ke majlis persandingan.

Pandangan Golongan Muda Terhadap Perkahwinan dalam Era Moden. Golongan muda sekarang semakin melupakan tradisi perkahwinan lama dan lebih cenderung mengamalkan perkahwinan secara moden dan berlebih-lebihan. Perkahwinan secara moden sangat mudah dan hanya perlu mengeluarkan wang yang mencukupi untuk memastikan majlis perkahwinan dapat berjalan lancar.

Walaupun bagaimanapun, ada juga orang muda sama ada lelaki atau perempuan yang berpendapat bahawa amalan tradisi masyarakat harus diteruskan kerana ia merupakan identiti masyarakat yang harus dipertahankan dan diperlihara keunikannya. Ia juga bertujuan untuk memastikan generasi akan datang dapat merasai kemeriahan dan mengetahui akan adat-adat perkahwinan masyarakat zaman dahulu. Seperti yang kita ketahui, masyarakat kini secara subjektifnya merupakan golongan yang terdiri daripada kelompok profesional dan berkerjaya.

Kebanyakan daripada mereka menyerahkan persiapan majlis perkahwinan sepenuhnya kepada pihak tertentu seperti penyediaan makanan dan kelengkapan perkahwinan. Ini disebabkan oleh faktor kekangan masa dan memerlukan tenaga kerja yang banyak untuk mengelolanya.

Kedua, pengaruh dari budaya luar. Masyarakat kini terlalu obses dengan perkahwinan cara Barat seperti mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran di hotel dan juga di dewan terkenal. Mereka percaya bahawa dengan cara ini mereka dapat menjimatkan masa dan tenaga kerja untuk menjayakan majlis perkahwinan itu.

Terakhir, orang-orang muda sekarang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Mereka ingin melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi seperti sarjana atau doktor falsafah dan mereka lebih menumpukan dalam mendapat rezeki dan keuntungan. Oleh itu, mereka tidak mahu berkahwin lebih awal.

4.5 Penutup

Tuntasnya, daripada hasil kajian ini dan meneliti daripada semua aspek yang telah dikemukakan pengkaji di dalam kajian ini dalam sesi temu-bual bersama penduduk atau masyarakat cina peranakan ia membawa pengaruh yang penting kerana dapat memberi serba sedikit maklumat mengenai kajian yang dikaji oleh pengkaji. Daripada maklumat yang dikumpul pengkaji dapat menyimpulkan bahawa manjoriti responden dalam memberi maklumat amat memuaskan hati pengkaji untuk menyiapkan hasil kajian.

Selanjutnya, segala maklumat yang diberikan oleh responden sangat memuaskan hati kerana segala maklumat yang tidak didapati dengan pasti, secara jelasnya diketahui dengan jelasnya di dalam temu bual bersama responden. Maklumat yang diberikan sangat jelas dan telus kerana setiap perbincangan yang dilakukan memberikan impak maklumat yang lengkap mengenai setiap adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu. Selain itu ,setiap adat perkahwinan ini berbeza mengikut negeri serta penggunaan bahasa juga berbeza mengikut negeri. Di negeri Terengganu, masyarakat Cina peranakan kebanyakan mahir di dalam bahasa negeri Terengganu dan mereka kurang dalam penggunaan bahasa Hokkien (bahasa ibunda cina peranakan).

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab penutup bagi projek penyelidikan mengenai Kelestarian Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Ia merupakan salah satu adat perkahwinan yang semakin pupus dek zaman. Bab ini bertujuan untuk meninjau serta mengetahui sokongan bagi menyokong persoalan yang dikaji bagi mengetahui pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu. Oleh hal yang demikian, ia dapat memberi jawapan kepada objektif kajian serta dapat menyatakan pencapaian objektif yang ingin dikaji.

Sememangnya dengan adanya projek penyelidikan ini dapat membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diinginkan. Setelah kesemua persoalan objektif kajian yang didapati memuaskan ia membantu pengkaji membuat kesimpulan dan penerangan jelas mengenai cara untuk mengekalkan Adat perkahwinan Cina peranakan. Ia merupakan salah satu keunikan yang terdapat di negara Malaysia yang menjadi tunjang kepada keunikan Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk di dalam sebuah negara atas hasil perkahwinan antara dua bangsa yang berbeza sehingga wujudnya masyarakat baharu iaitu cina peranakan.

5.2 Perbincangan

Bahagian ini akan menghuraikan mengenai dapatan daripada kajian tajuk Kelestarian Adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu. Perbincangan yang dihasilkan mengenai dapatan kajian yang dilakukan keatas ketigatiga analisis objektif kajian yang telah diberikan penerangan secara jelas di dalam penulisan bab empat. Di dalam penulisan bab empat, ia diberi penerangan mengenai setiap objektif yang telah dikemukakan serta diberi maklumat oleh masyarakat serta pegawai yang telah ditemu duga.

5.2.1 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif yang pertama kajian ini, pengkaji dapat menyatakan dengan secara terperinci mengenai adat perkahwinan Cina peranakan di kampung Pulau Duyong Terengganu. Masyarakat cina peranakan ini sebenarnya mereka sudah lama menetap di Terengganu sejak tahun 80an lagi. Mereka sekarang sudah pandai bertutur kata dalam bahasa tempatan masyarakat Terengganu. Mereka menceritakan serba sedikit mengenai sejarah perkahwinan Cina peranakan dahulu.

Terdapat beberapa yang menjadi tonggak utama kenapa perkahwinan masyarakat Baba Nyonya ini menjadi salah satu perkahwinan yang unik ialah mereka akan mengahwinkan anak gadis mereka yang sudah baligh dan pandai dalam semua perkara mengenai kehidupan berumah tangga mereka akan mencari jodoh untuk anak mereka sebelum berginjak usia semakin tua dan dikenali dengan panggilan anak dara

tua. Istilah ‘ Anak dara tua’ adalah merupakan istilah yang membawa kepada penghinaan kepada kaum masyarakat Baba Nyonya jika anak gadis mereka berinjak usia namun belum berkahwin. Oleh hal demikian, mereka akan menyuruh orang tengah untuk mencari pasangan lelaki untuk dijodohkan dengan anak gadis mereka.

Sepertimana yang diberitahu , perkahwinan Cina peranakan ini memerlukan kos perbelanjaan yang besar kerana ia dilangsungkan selama dua belas hari. Terdapat pelbagai adat yang perlu dilakukan selama dua belas hari perkahwinan dilangsungkan dan ahli keluarga juga haruslah sentiasa menghidangkan makanan tradisional cina peranakan selama dua belas hari.

Untuk pengetahuan umum, masyarakat Cina peranakan ini boleh dikategorikan sebagai masyarakat yang bermewah di tanah Melayu. Ini kerana menurut mereka, Perkahwinan adalah perkara yang baik dan haruslah disambut dengan baik dengan membuat majlis yang mewah dan mengikut adat tradisi nenek moyang mereka.

Menurut Teo Beng Jin (1958). Disebabkan oleh hal demikian, ramai golongan muda sekarang kurang mengambil tahu serta sudah kurang golongan muda yang masih ingin mengekalkan tradisi moyang mereka dalam bab perkahwinan. Ini kerana kos sekarang yang semakin tinggi dan memerlukan duit perbelanjaan yang banyak. Oleh itu, di Majlis perkahwinan masyarakat Cina peranakan , sesiapa yang hadir harus memberi angpau atau duit belanja kepada pengantin. Ini kerana, untuk membantu pengantin mempunyai duit untuk menampung jika berlaku kekurangan duit untuk membayar kos perkahwinan mereka. Bagi mereka ini merupakan adat perkahwinan mereka yang mana sesiapa yang hadir ke perkahwinan seharusnya memberikan pengantin angpau di dalam angka yang sedikit banyak.

5.2.2 Usaha dalam mengekalkan keunikan adat perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Kaum Cina Peranakan di Kuala Terengganu merupakan sebuah komuniti yang rapat. Oleh itu, perkahwinan dalam puak atau dengan kerabat adalah perkara biasa untuk memelihara kekayaan keluarga. Perkahwinan antara hubungan kekeluargaan yang rapat seperti sepupu, selagi mereka mempunyai nama keluarga yang berbeza, oleh itu bukanlah sesuatu yang luar biasa. Jika pasangan yang sesuai tidak dapat ditemui dalam keluarga, mereka lebih suka mempunyai anak perempuan mereka.

Di Kuala Terengganu, perkahwinan kaum Cina Peranakan mengikut rapat adat tradisi Cina (Hokkien) mereka dari Wilayah Fujian Selatan. Perkahwinan itu berlangsung selama dua belas hari. Selain itu, terdapat aktiviti pra-perkahwinan yang terdiri daripada jemputan perkahwinan; penyediaan bilik pengantin, Ang Chng; dan upacara kedewasaan yang dipanggil Chniaw Thau.

Masyarakat Peranakan Cina Kuala Terengganu sebahagian besarnya bersifat matriarki. Oleh itu, pengantin baru akan tinggal bersama keluarga isteri selepas perkahwinan yang biasanya dikenali sebagai perkahwinan matrilocal. Terdapat beberapa, walaupun sedikit, yang akan tinggal bersama keluarga pengantin lelaki.

Sememangnya, dalam mengekalkan keunikan adat perkahwinan Cina Peranakan ini penting bagi memberi pendedahan kepada remaja akan datang mengenai kelebihan serta keistimewaan adat perkahwinan Cina peranakan di Terengganu ini.

5.2.3 Usaha dalam melestarikan Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu.

Usaha dalam melestarikan yang pertama ialah memberi pendedahan kepada golongan orang muda mengenai kepentingan menjaga adat perkahwinan Cina peranakan. Ini kerana, adat ini adalah satu perkara yang diturun temurunkan oleh nenek moyang. Jika golongan muda tidak mahu meneruskan generasi adat perkahwinan Cina peranakan ini maka ia akan sedikit demi sedikit akan pupus dan terus menghilang. Ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perkauman masyarakat Cina peranakan.

Mereka adalah golongan yang sedikit jika golongan muda tidak mahu mengambil tindakan dengan mengekalkan adat perkahwinan ini maka siapa lagi yang mahu meneruskan generasi adat perkahwinan ini. Oleh itu, golongan tua seharusnya memberi pendedahan kepada golongan muda untuk sedikit sebanyak mengambil tahu mengenai adat perkahwinan Cina peranakan.

5.3 Cadangan

Kajian yang dijalankan ini telah memberi gambaran bahawa kelestarian dalam Adat Perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu adalah sangat penting bagi menyatakan keunikan adat tradisi perkahwinan masyarakat Cina peranakan di Terengganu. Segala keunikan dalam adat tradisi perkahwinan masyarakat Cina peranakan ini akan membawa memberi impak yang positif kepada masyarakat dan dapat menjadi satu tunjak utama bagi menjaga perkauman masyarakat di Malaysia. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dalam kajian penyelidikan yang dijalankan dalam melestarikan Adat Perkahwinan cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu bagi generasi akan datang.

i. Meningkatkan Penerapan kefahaman yang lebih mendalam mengenai Adat istiadat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu.

Konsep penerapan kefahaman mengenai adat istiadat perkahwinan Cina peranakan ini adalah salah satu cadangan yang membantu mengekalkan tradisi perkahwinan masyarakat ini yang semakin kurang dikenali oleh masyarakat umum. Kefahaman antara masyarakat adalah satu perkara yang juga boleh dikatakan penting bagi mengelakkan berlaku isu kesalahfahaman mengenai adat antara masyarakat Cina dengan cina peranakan atau dikenali dengan panggilan Baba Nyonya.

Penerapan fahaman antara masyarakat ini juga sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat lain boleh mendalami dan memahami konsep perkahwinan Cina peranakan yang sering dikenali dengan perkahwinan dua belas hari. Selain itu , dapat membantu masyarakat luar mengetahui dan mengambil tahu mengenai adat istiadat perkahwinan mereka serta dapat mempelajari perkara baharu mengenai adat perkahwinan masyarakat lain terutama adat perkahwinan Cina peranakan.

ii. Mengadakan pameran setiap tahun untuk memperkenalkan kepada masyarakat mengenai Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong, Terengganu.

Pameran adalah salah satu cadangan yang dinyatakan. Ia bertujuan untuk memperkenalkan kepada generasi baharu mengenai adat perkahwinan Cina peranakan. Hal ini dinyatakan demikian kerana, generasi muda sekarang tidak mengetahui langsung bagaimana perkahwinan masyarakat Cina peranakan ini berlangsung dan mereka menganggap Cina peranakan ini sama seperti perkahwinan masyarakat Cina.

Pameran haruslah sentiasa diadakan di setiap Negeri bagi memberi pengetahuan baharu kepada golongan muda dan tua bagi mengenali Adat perkahwinan Cina peranakan. Di setiap pameran yang diadakan haruslah mereka memperkenalkan golongan-golongan masyarakat baba nyonya bagi mereka mengenali secara mendalam golongan baba nyonya tersebut. Ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan muda mengenali secara dekat masyarakat Cina peranakan ini.

iii. Pihak kerajaan mengadakan kempen-kempen untuk mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional dan menggalakkan masyarakat untuk terus memartabatkan budaya masing-masing sama ada dalam negara mahupun sehingga ke luar negara.

Mengadakan kempen-kempen untuk kekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional baba nyonya. Ini juga merupakan salah satu cadangan yang bernas. Ini dinyatakan demikian, kerana dapat meningkatkan minat generasi muda untuk mempelajari mengenai adat masyarakat lain terutama masyarakat baba nyonya yang semakin ketinggalan. Dengan adanya kempen yang dilancarkan oleh kerajaan sedikit sebanyak dapat memberi impak besar kepada golongan baba nyonya dalam mengekalkan tradisi adat masyarakat mereka terutama dalam adat perkahwinan.

Adat tradisi perkahwinan masyarakat baba nyonya semakin kurang dikenali kerana kebanyakan golongan muda masyarakat baba nyonya semakin kurang untuk kekalkan tradisi perkahwinan mereka sendiri kerana disebabkan oleh faktor-faktor kewangan, dan peralihan fasa perkahwinan modem. Dengan adanya kempen-kempen yang diadakan oleh pihak kerajaan ini dapat membantu masyarakat baba nyonya memperkenalkan adat perkahwinan mereka kepada masyarakat umum. Dengan ini ia dapat membantu perkenalkan golongan mereka kepada umum.

5.4 Rumusan

Hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah dan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam Kelestarian Adat Perkahwinan Cina Peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu adalah sangat berkesan dan berhasil. Melalui temubual bersama responden ia sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat yang diperlukan terutama dalam objektif pertama, kedua dan ketiga.

Pegawai masyarakat Cina peranakan juga banyak memberi maklum balas kepada pengkaji bagi mendapatkan pelbagai maklumat mengenai adat perkahwinan Cina peranakan. Ini kerana, menurut beliau, setiap negeri kadang-kadang berbeza adat perkahwinan malahan bahasa pun berlainan mengikut negeri Cina peranakan tinggal. Di Terengganu kebanyakan masyarakat Cina peranakan banyak menggunakan bahasa Hokkien dalam bahasa komunikasi seharian.

Oleh hal itu, dapat dirumuskan di dalam analisis yang telah dilakukan di bahagian bab 4 mengenai tiga objektif utama yang telah diutarakan telah memperlihatkan secara keseluruhan kebanyakan adat perkahwinan Cina peranakan sama dan berlainan daripada masyarakat Cina. Hal ini demikian kerana, setiap adat perkahwinan yang dilaksanakan selama dua belas hari adalah berbeza dan mempunyai makna dan sebab tersendiri. Maka terdapat beberapa langkah untuk melestarikan adat perkahwinan Cina peranakan sebaiknya bagi dapat mengekalkan tradisi perkahwinan Cina peranakan selamanya.

5.5 Penutup

Secara kesimpulannya, adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu adalah merupakan salah satu warisan negara yang harus dipelihara. Ini kerana, adat perkahwinan Cina peranakan di Kampung Pulau Duyong Terengganu adalah satu keunikan yang ada di Terengganu. Pengkaji berusaha membuat kajian mengenai adat perkahwinan Cina peranakan di Terengganu bagi memberi pengetahuan umum kepada masyarakat setempat bahawa adat perkahwinan peranakan adalah salah satu perkahwinan yang unik di Malaysia.

Adat perkahwinan Cina peranakan haruslah dipelihara kerana ia merupakan warisan tidak ketara bagi negara Malaysia yang telah dinyatakan di bawah Akta Warisan negara (2005) .

Adat tidak semestinya perkara yang seharusnya menjadi satu tombak kepayahan untuk masyarakat Cina peranakan mengamalkan hal ini kerana, keunikan yang terdapat daripada Adat perkahwinan masyarakat mereka. Adat perkahwinan Cina peranakan ini merupakan salah satu sumber Warisan tidak ketara yang boleh dikekalkan di negara Malaysia. Oleh hal demikian, masyarakat Cina peranakan ini seharusnya mengambil inisiatif untuk mengekalkan adat perkahwinan ini. Adat perkahwinan Cina peranakan ini banyak membawa manfaat dan maksud tersendiri yang telah dibawa oleh nenek moyang dahulu. Perkahwinan ini adalah merupakan salah satu ambang perkahwinan yang unik untuk masyarakat mereka.

Selanjutnya, perkahwinan ini di dalam masyarakat Cina peranakan ini juga menyatakan perkahwinan adalah perkara yang bersih seharusnya dilaksanakan sepenuh jiwa selama mana majlis berlangsung. Oleh hal demikian, mereka mengadakan majlis semalam dua belas hari demi meraikan sehati sejiwa di dalam satu majlis secara meriah.

Selanjutnya, tetamu dan saudara-mara yang hadir ke majlis perkahwinan tersebut sewajibnya membawa duit atau dikenali sebagai Ang Pau kepada pengantin sebagai duit untuk menampung duit tambahan selepas kahwin. Ini kerana , bagi masyarakat mereka dianggap sebagai tuah kepada pengantin untuk melangsungkan kehidupan selepas perkahwinan dengan menggunakan duit yang diberikan oleh tetamu dan saudara-mara.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rujukan

Angsar, A. M. (1989). Falsafah Tradisional Perkahwinan Cina di Melaka.

AS Hornby (et.Al) (1980), Kamus Progresif Inggeris-Melayu, cet Ke 4, Kuala Lumpur; Fajar Bakti;h 186

A., B. (2008). Of Methods and Methodologyst: An international. , *Qualitative Research in Orgniztion and Managemen*, 12:128.

Baterah Alias, Huzaimah Ismail & Najahudin Lateh. 2017. Buku Revisi: Hubungan Etnik Di Malaysia. Shah Alam: Oxford fajar.

Creswell, J. &. (2008). Choosing Among Five Approaches,. *Qualitatives inquiry and research design*.

Dewan Bahasa dan Pustaka,(2017), *Kamus Dewan Edisi Keempt*: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keywod=potensi>

Fink, (1989), conducting Research Literature Reviews: From paper to Internet. Thousand oak: sage, h:3

Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rollah Abdul Wahab. 2009. Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik Dlm. Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman. 2009. Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik, Hlm 1-15. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Hua, A. K. (2016). Pengenaln Rangka Kerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: satu kajian Literatur. Malaysia journal of social sciences and Humalities.

Kim, K. K. (1996). The straits Chinesse, A culture References and Disappearance. In *The straits Chinesse, A culture References and Disappearance* (p. 161:170).

Kim, L. S. (2018). The Peranakan Baba Nyonya Culture resurgence Or Dissapearance. In *The Peranakan Baba Nyonya Culture resurgence Or Dissapearance* (p. 161:170).

- Khoo Kay Kim. 2010. The Penang Baba/ Peranakan Chinese Community. Dlm. Sohaimi Abdul Aziz (Pnyt.). Penang Peranakan Chinese And Chinese Muslim: An Historical And Cultural Journey, Hlm 1-17. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinan
- Loriane Blaxter, Christina Hughes & Mlcom Tight (2002), How to Research (ed,2) buchikgam open university press
- Marican, S. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. *Prentice Hall, Person Malaysia*.
- Morgan, D. (2007). Pradign Lost and Pragmaticism Regained Methodological Implication . *Mixed Methods Research*, 45-76.
- Mohd Nor, M. R., & Hasan, H. (2010). Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin*, 31, 115–133. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7382>
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. 2013. Pengekalan Dan Perubahan Identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu Kajian Kes Di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (Cenpris). Universiti Sains Malaysia
- Potton, M. (2006). Qualitative Evaluation and Research Methods. In *Qualitative Evaluation and Research Methods* (pp. 118-119). London: Sage .
- Radolph, R.A.A & Awang,I (2006), sorotan Kajian lepas: teori dan Amalan dalam Penyelidikan islam: jurnal fiqh 3, 133-156.
- R.K, Y. (2003). Case Study Research, Design And Methods, 3rd Edition. Beverly Hills ,California: sage.
- R.K, Y. (n.d.). *Case Study Research Design and Methods 3rd Edition*. Retrieved from [http://www.academia.edu/8526027/Asal Usul Baba Dan Nyonya](http://www.academia.edu/8526027/Asal_Usul_Baba_Dan_Nyonya)
- Sa'adiyah Ma'alip. Rahitah Omar. Nazrin Alias, T. K. (2016). *Data Kajian Lapangan Masyarakat Baba-Nyonya, Melaka*. Melaka.

Seong, S. M. (2016). Penggunaan Bahasa Baba-Nyonya di Kuala Gandah. *Geografia Online Malaysia Journal Of Society and Space 1*, 11-16.

Saidi, Mohd (2019). Pendekatan kuantitatif dalam penggunaan R..diperolehi dari http://www.researchgate.net/publication/3375993143_Pendekatan_kuantitatif_dalam_penggunaan_R

Sohaimi Abdul Aziz (Pnyt.). 2010. Penang Peranakan Chinese And Chinese Muslims: An Historical And Cultural Journey. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang


Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statik*. Serdang , selangor : Universiti Putera Malaysia.






LAMPIRAN

UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN




Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu




Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu

KELANTAN



Kajian Lapangan Pada 6.12.2022 bertempat di Kampung Pulau Duyong, Terengganu



Kajian Lapangan Pada 8.12.2022 bertempat di Muzium Terengganu